JUZU' KE-27

SURAH AL-QAMAR

SURAH KE

54

SURAH AL-QAMAR

Surah Bulan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

55

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

ٱقْتَرَبَتِ ٱلسَّاعَةُ وَٱنشَقَّ ٱلْقَمَرُ ﴿١﴾

وَإِن يَرَوْا۟ ءَايَةً يُعْرِضُوا۟ وَيَقُولُوا۟ سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ ﴿٢﴾

وَكَذَّبُوا۟ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣﴾

وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّنَ ٱلْأَنۢبَآءِ مَا فِيهِ مُزْدَجَرٌ ﴿٤﴾

حِكْمَةٌۢ بَـٰلِغَةٌ ۖ فَمَا تُغْنِ ٱلنُّذُرُ ﴿٥﴾

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ ۘ يَوْمَ يَدْعُ ٱلدَّاعِ إِلَىٰ شَىْءٍ نُّكُرٍ ﴿٦﴾

خُشَّعًا أَبْصَـٰرُهُمْ يَخْرُجُونَ مِنَ ٱلْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ ﴿٧﴾

مُّهْطِعِينَ إِلَى ٱلدَّاعِ ۖ يَقُولُ ٱلْكَـٰفِرُونَ هَـٰذَا يَوْمٌ عَسِرٌ ﴿٨﴾

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا۟ عَبْدَنَا وَقَالُوا۟ مَجْنُونٌ وَٱزْدُجِرَ ﴿٩﴾

فَدَعَا رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَغْلُوبٌ فَٱنتَصِرْ ﴿١٠﴾

"Qiamat telah hampir dan bulan telah terbelah(1). Dan jika mereka (kaum Musyrikin) melihat sesuatu mu'jizat, mereka berpaling dan berkata: Ini adalah suatu sihir yang berterusan(2). Dan mereka mendustakan (Nabi) dan mengikut hawa nafsu mereka, dan segala urusan itu tetap pada tempatnya(3). Sesungguhnya telah datang kepada mereka berbagai-bagai berita (umat-umat yang silam) yang mengandungi pengajaran yang mencegahkan (mereka dari kesesatan)(4). (Berita-berita itu) suatu hikmat yang sempurna, tetapi amaran dan peringatan itu tidak memberi faedah (kepada mereka yang degil)(5). Oleh itu berpalinglah dari mereka (dan tunggulah) hari malaikat penyeru (Israfil) akan menyeru mereka kepada sesuatu yang dahsyat (hari Qiamat) yang tidak menyenangkan mereka(6). Dengan pandangan yang tunduk mereka keluar dari kubur-kubur seolah-olah mereka belalang-belalang yang berkeliaran(7). Mereka tergesa-gesa menuju kepada penyeru itu. Lalu orang-orang kafir berkata: Hari ini adalah hari yang amat gawat(8). Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (rasulnya), mereka telah mendustakan hamba Kami (Nuh), dan mereka berkata: Dia seorang gila dan dia telah diancam(9). Lalu dia berdo'a kepada Tuhannya: Sesungguhnya aku telah dikalahkan. Oleh itu, berilah kemenangan kepadaku"(10).

فَفَتَحْنَآ أَبْوَٰبَ ٱلسَّمَآءِ بِمَآءٍ مُّنْهَمِرٍ ﴿١١﴾

وَفَجَّرْنَا ٱلْأَرْضَ عُيُونًا فَٱلْتَقَى ٱلْمَآءُ عَلَىٰٓ أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ ﴿١٢﴾

وَحَمَلْنَـٰهُ عَلَىٰ ذَاتِ أَلْوَٰحٍ وَدُسُرٍ ﴿١٣﴾

تَجْرِى بِأَعْيُنِنَا جَزَآءً لِّمَن كَانَ كُفِرَ ﴿١٤﴾

وَلَقَد تَّرَكْنَـٰهَآ ءَايَةً فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٥﴾

"Lalu Kami bukakan pintu-pintu langit menurunkan air hujan yang lebat(11). Dan Kami jadikan bumi memancurkan matair-matair, lalu air-air itu bertemu untuk melaksanakan satu rancangan yang telah ditetapkan(12). Lalu Kami bawakannya (Nuh) di atas (sebuah bahtera dari) papan-papan dan paku(13). Yang belayar di bawah pandangan Kami sebagai balasan kepada orang yang telah diingkarkan (Nuh)(14). Sesungguhnya Kami telah tinggalkan bahtera itu sebagai bukti pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(15).

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿١٦﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا ٱلْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٧﴾

كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿١٨﴾

إِنَّآ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِى يَوْمِ نَحْسٍ مُّسْتَمِرٍّ ﴿١٩﴾

تَنزِعُ ٱلنَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُّنقَعِرٍ ﴿٢٠﴾

"Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(16). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an itu untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran? (17). Kaum 'Ad telah mendustakan (rasulnya). Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(18). Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang pada hari nahas yang berterusan(19). Yang menumbangkan manusia bergelimpangan seolah-olah batang-batang pokok kurma yang terbongkar umbinya"(20).

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢١﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٢٢﴾

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِالنُّذُرِ ﴿٢٣﴾

فَقَالُوٓا أَبَشَرًا مِّنَّا وَاحِدًا نَّتَّبِعُهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّفِي ضَلَالٍ وَسُعُرٍ ﴿٢٤﴾

أَءُلْقِيَ الذِّكْرُ عَلَيْهِ مِنۢ بَيْنِنَا بَلْ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرٌ ﴿٢٥﴾

"Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(21). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(22). Kaum Thamud telah mendustakan amaran-amaran (Nabinya)(23). Lalu mereka berkata: Apakah wajar bagi kita mengikut seorang manusia yang sejenis dengan kita? Sesungguhnya kita berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala(24). Apakah wahyu itu diturunkan kepadanya sahaja di antara kita semua? Sebenarnya dia seorang pendusta yang amat tamak"(25).

سَيَعْلَمُونَ غَدًا مَّنِ الْكَذَّابُ الْأَشِرُ ﴿٢٦﴾

إِنَّا مُرْسِلُوا النَّاقَةِ فِتْنَةً لَّهُمْ فَارْتَقِبْهُمْ وَاصْطَبِرْ ﴿٢٧﴾

وَنَبِّئْهُمْ أَنَّ الْمَآءَ قِسْمَةٌۢ بَيْنَهُمْ كُلُّ شِرْبٍ مُّحْتَضَرٌ ﴿٢٨﴾

فَنَادَوْا صَاحِبَهُمْ فَتَعَاطَىٰ فَعَقَرَ ﴿٢٩﴾

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٣٠﴾

"Besok mereka akan mengetahui siapakah yang sebenarnya pendusta yang amat tamak itu(26). Sesungguhnya Kami telah mengirimkan unta mu'jizat sebagai satu ujian kepada mereka. Oleh itu, tunggulah tindak-tanduk mereka dan bersabarlah(27). Dan beritahu kepada mereka bahawa air telaga itu dibahagikan di antara mereka dengan unta itu, setiap masa giliran minum hanya dihadiri oleh yang berhak sahaja(28). Kemudian mereka memanggil kawan mereka lalu dia pun mengambil unta itu dan membunuhnya(29). Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?"(30).

إِنَّآ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَاحِدَةً فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْمُحْتَظِرِ ﴿٣١﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٣٢﴾

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍۭ بِالنُّذُرِ ﴿٣٣﴾

إِنَّآ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَّآ ءَالَ لُوطٍ نَّجَّيْنَاهُم بِسَحَرٍ ﴿٣٤﴾

نِّعْمَةً مِّنْ عِندِنَا كَذَٰلِكَ نَجْزِي مَن شَكَرَ ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka satu pekikan yang amat kuat dan mereka telah jadi seperti ranting-ranting kering yang hancur yang digunakan oleh pembuat kandang(31). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(32). Kaum Lut telah mendustakan amaran-amaran (Nabinya)(33). Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut batu, kecuali keluarga Lut, Kami telah selamatkan mereka sebelum fajar menyingsing(34). Sebagai ni'mat dari Kami. Demikianlah balasan Kami kepada mereka yang bersyukur"(35).

وَلَقَدْ أَنذَرَهُم بَطْشَتَنَا فَتَمَارَوْا بِالنُّذُرِ ﴿٣٦﴾

وَلَقَدْ رَاوَدُوهُ عَن ضَيْفِهِۦ فَطَمَسْنَآ أَعْيُنَهُمْ فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٣٧﴾

وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣٨﴾

فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٣٩﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya Lut telah mengingatkan mereka tentang 'azab Kami, tetapi mereka telah mendustakan amaran-amaran itu(36). Sesungguhnya mereka telah memujuk Lut untuk mencabul tetamunya, lalu Kami butakan mata mereka. Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaranku (37). Dan sesungguhnya pada keesokan pagi mereka telah ditimpa 'azab yang tetap(38). Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaran-amaran-Ku(39). Sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(40).

وَلَقَدْ جَآءَ ءَالَ فِرْعَوْنَ النُّذُرُ ﴿٤١﴾

كَذَّبُوا بِـَٔايَاتِنَا كُلِّهَا فَأَخَذْنَاهُمْ أَخْذَ عَزِيزٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٤٢﴾

أَكُفَّارُكُمْ خَيْرٌ مِّنْ أُولَٰٓئِكُمْ أَمْ لَكُم بَرَآءَةٌ فِي الزُّبُرِ ﴿٤٣﴾

أَمْ يَقُولُونَ نَحْنُ جَمِيعٌ مُّنتَصِرٌ ﴿٤٤﴾

سَيُهْزَمُ الْجَمْعُ وَيُوَلُّونَ الدُّبُرَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya kaum Fir'aun telah didatangi rasul-rasul yang memberi amaran(41). Mereka telah mendustakan semua ayat-ayat Kami, lalu Kami 'azabkan mereka dengan 'azab dari Yang Maha Perkasa dan Maha Berkuasa(42). Apakah orang-orang kafir kamu (wahai kaum Musyrikin Makkah) lebih baik dari mereka? Atau apakah kamu mempunyai jaminan kebebasan dari 'azab di dalam kitab-kitab suci yang

terdahulu?(43). Atau apakah mereka mengatakan: Kami adalah kumpulan yang bersatupadu dan tetap mendapat kemenangan(44). Kumpulan yang bersatupadu itu akan ditewaskan dan mereka akan berundur lari"(45).

بَلِ ٱلسَّاعَةُ مَوْعِدُهُمْ وَٱلسَّاعَةُ أَدْهَىٰ وَأَمَرُّ ﴿٤٦﴾

إِنَّ ٱلْمُجْرِمِينَ فِى ضَلَٰلٍ وَسُعُرٍ ﴿٤٧﴾

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِى ٱلنَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُوقُوا۟ مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٨﴾

إِنَّا كُلَّ شَىْءٍ خَلَقْنَٰهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

وَمَآ أَمْرُنَآ إِلَّا وَٰحِدَةٌ كَلَمْحٍۭ بِٱلْبَصَرِ ﴿٥٠﴾

"Sebenarnya hari Qiamat itulah hari perjanjian dengan mereka, dan hari Qiamat itu adalah lebih dahsyat dan lebih pahit(46). Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu berada di dalam kesesatan dan api-api yang bernyala-nyala(47). Pada hari mereka diheret di atas muka mereka ke dalam Neraka. Rasakanlah sentuhan api Neraka(48). Sesungguhnya Kami telah menciptakan segala sesuatu mengikut perencanaan yang rapi(49). Urusan penciptaan Kami hanya dengan sepatah perintah dan sekelip mata sahaja"(50).

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَآ أَشْيَاعَكُمْ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٥١﴾

وَكُلُّ شَىْءٍ فَعَلُوهُ فِى ٱلزُّبُرِ ﴿٥٢﴾

وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُّسْتَطَرٌ ﴿٥٣﴾

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٤﴾

فِى مَقْعَدِ صِدْقٍ عِندَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍۭ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah membinasakan orang-orang yang seperti kamu. Apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(51). Dan segala sesuatu yang dilakukan mereka adalah tercatat di dalam buku-buku amalan(52). Dan segala yang kecil dan yang besar semuanya ditulis belaka(53). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu ditempatkan di dalam Syurga dan sungai-sungai(54). Di majlis penghormatan yang tulen di sisi Tuhan Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa"(55).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini dari awal hingga akhir merupakan satu serangan yang ngeri di atas hati orang-orang yang mendustakan rasul-rasul yang telah memberi peringatan dan pengajaran, dan di samping itu ia memberi keyakinan dan ketenteraman yang amat mendalam ke dalam hati orang-orang Mu'min yang membenarkan rasul-rasul itu. Surah ini dibahagikan kepada beberapa siri yang berturut-turut dan setiap siri menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan 'azab seksa yang ditimpakan ke atas para pendusta itu. Dan di akhir siri itu, Al-Qur'an memegang hati manusia dan menggoncangkannya sambil berkata kepadanya:

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿١٦﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا ٱلْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٧﴾

"Oleh itu bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(16). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(17).

Maudhu'-maudhu' yang dibicarakan di dalam surah ini telah pun disebut di dalam berbagai-bagai Surah Makkiyah yang lain. Ia menunjukkan pemandangan-pemandangan Qiamat di awal dan di akhir. Dan di antara keduanya ia mengemukakan tayangan segera menunjukkan kebinasaan-kebinasaan kaum Nuh, kaum 'Ad, kaum Thamud, kaum Lut dan kaum Fir'aun. Semuanya merupakan maudhu'-maudhu' yang banyak termuat di dalam Surah-surah Makkiyah di dalam berbagai bentuk gambarannya.

Tetapi maudhu'-maudhu' itu sendiri telah dibentangkan di dalam surah ini dengan satu cara khusus yang menjadikannya baru sebaru-barunya. Ia dibentangkan dengan cara yang keras, kencang dan tegas, menimbulkan ketakutan dan kengerian dan ia diselubungi suasana kemusnahan, kebinasaan dan keterharuan.

Yang menjadi ciri utama maudhu'-maudhu' ini dalam surah ini ialah setiap maudhu' itu menggambarkan satu siri pemandangan 'azab yang ngeri dan cepat yang disaksikan oleh para pendusta dengan nafasnya yang termengah-mengah seolah-olah mereka melihat diri mereka sendiri terlibat dalam peristiwa itu dan merasakan sebatan cemeti-cemetinya. Dan apabila siri itu tamat dan mereka pun mulai menarik nafas yang lega, dengan segera mereka dikejutkan dengan satu siri yang baru pula yang lebih dahsyat dan ngeri lagi. Demikianlah seterusnya sehingga selesai tujuh siri itu dalam suasana yang menakut dan melemaskan. Dan di dalam pemandangan yang akhir di dalam surah ini muncullah satu suasana yang lain yang mengandungi bayangan-bayangan yang lain iaitu suasana keamanan, ketenteraman dan ketenangan. Itulah pemandangan para Muttaqin.

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٤﴾

فِى مَقْعَدِ صِدْقٍ عِندَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍۭ ﴿٥٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu ditempatkan di dalam Syurga dan sungai-sungai(54). Dimajlis penghormatan yang tulen di sisi Tuhan Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa."(55)

Suasana itu muncul di tengah-tengah peristiwa-peristiwa yang ngeri dan di tengah-tengah 'azab yang hina yang menimpa para pendusta.

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِى ٱلنَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُوقُوا۟ مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٨﴾

"Pada hari mereka diheret di atas muka mereka ke dalam Neraka. Rasakanlah sentuhan api Neraka."(48)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1- 8)

ٱقْتَرَبَتِ ٱلسَّاعَةُ وَٱنشَقَّ ٱلْقَمَرُ ﴿١﴾

وَإِن يَرَوْا۟ ءَايَةً يُعْرِضُوا۟ وَيَقُولُوا۟ سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ ﴿٢﴾

وَكَذَّبُوا۟ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣﴾

وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّنَ ٱلْأَنۢبَآءِ مَا فِيهِ مُزْدَجَرٌ ﴿٤﴾

حِكْمَةٌۢ بَٰلِغَةٌ ۖ فَمَا تُغْنِ ٱلنُّذُرُ ﴿٥﴾

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ ۘ يَوْمَ يَدْعُ ٱلدَّاعِ إِلَىٰ شَىْءٍ نُّكُرٍ ﴿٦﴾

خُشَّعًا أَبْصَٰرُهُمْ يَخْرُجُونَ مِنَ ٱلْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ ﴿٧﴾

مُّهْطِعِينَ إِلَى ٱلدَّاعِ ۖ يَقُولُ ٱلْكَٰفِرُونَ هَٰذَا يَوْمٌ عَسِرٌ ﴿٨﴾

"Qiamat telah hampir dan bulan telah terbelah(1). Dan jika mereka (kaum Musyrikin) melihat sesuatu mu'jizat, mereka berpaling dan berkata: Ini adalah suatu sihir yang berterusan(2). Dan mereka mendustakan (Nabi) dan mengikut hawa nafsu mereka, dan segala urusan itu tetap pada tempatnya(3). Sesungguhnya telah datang kepada mereka berbagai-bagai berita (umat-umat yang silam) yang mengandungi pengajaran yang mencegahkan (mereka dari kesesatan)(4). (Berita-berita itu) suatu hikmat yang sempurna, tetapi amaran dan peringatan itu tidak memberi faedah (kepada mereka yang degil)(5). Oleh itu berpalinglah dari mereka (dan tunggulah) hari malaikat penyeru (Israfil) akan menyeru mereka kepada sesuatu yang dahsyat (hari Qiamat) yang tidak menyenangkan mereka(6). Dengan pandangan yang tunduk mereka keluar dari kubur-kubur seolah-olah mereka belalang-belalang yang berkeliaran(7). Mereka tergesa-gesa menuju kepada penyeru itu. Lalu orang-orang kafir berkata: Hari ini adalah hari yang amat gawat"(8)

Ini adalah satu pembukaan yang amat cemerlang dan menarik yang menggambarkan satu peristiwa alam yang besar yang menjadi alamat satu peristiwa yang lebih besar yang akan berlaku iaitu satu peristiwa yang tidak dapat dibandingkan dengan peristiwa-peristiwa alam yang besar itu.

ٱقْتَرَبَتِ ٱلسَّاعَةُ وَٱنشَقَّ ٱلْقَمَرُ ﴿١﴾

"Qiamat telah hampir dan bulan telah terbelah."(1)

Peristiwa Mu'jizat Bulan Terbelah Dan Riwayat-riwayat Mutawatir Yang Berkenaan Dengannya

Alangkah hebatnya alamat itu dan alangkah besarnya berita itu. Mereka telah melihat peristiwa pertama terbelahnya bulan dan tidak ada apa-apa lagi kepada mereka melainkan hanya menunggu berlakunya peristiwa Qiamat yang lebih besar itu.

Riwayat-riwayat mengenai peristiwa terbelahnya bulan yang dapat disaksikan oleh orang-orang Arab adalah riwayat-riwayat yang mutawatir. Semua riwayat-riwayat itu sepakat menthabitkan berlakunya peristiwa itu, cumanya tidak sepakat di dalam meriwayatkan keadaan peristiwa itu sama ada terperinci atau secara ringkas.

Dari riwayat Anas ibn Malik r.a.... Kata al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Ma'mar dari Qatadah dari Anas ibn Malik katanya: "Penduduk Makkah meminta Nabi s.a.w. menunjukkan satu tanda mu'jizat, lalu terbelahlah bulan sebanyak dua kali di Makkah, dan beliau pun membaca:

ٱقْتَرَبَتِ ٱلسَّاعَةُ وَٱنشَقَّ ٱلْقَمَرُ ﴿١﴾

"Qiamat telah hampir dan bulan telah terbelah."(1)

Ujar al-Bukhari: Saya telah diceritakan oleh Abdullah ibn Abdul Wahhab, kami telah diceritakan oleh Bisyr ibn al-Mufadhdhal, kami telah diceritakan oleh Sa'id ibn Abu 'Urwah dari Qatadah dari Anas ibn Malik bahawa penduduk Makkah telah meminta Rasulullah s.a.w. menunjukkan kepada mereka satu tanda mu'jizat, lalu beliau menunjukkan kepada mereka bulan yang terbelah dua hingga mereka dapat melihat Bukit Hira' di antara keduanya. Dan hadith ini juga dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari saluran-saluran yang lain dari Qatadah dari Anas.

Dari riwayat Jabir ibn Mut'am r.a.... Kata al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Kathir, kami telah diceritakan oleh Sulaiman ibn Kathir dari Hasin ibn Abdul Rahman dari Muhammad ibn Jabir ibn Mut'am dari bapanya katanya: "Bulan telah terbelah di zaman Rasulullah s.a.w. dan menjadi dua belah; sebelah di atas satu bukit ini dan sebelah lagi di atas bukit itu. Lalu mereka pun berkata: Muhammad telah menyihirkan kita." Jawab setengah mereka: Jika dia dapat sihirkan kita, maka dia tidak akan dapat menyihirkan semua orang." Hanya Ahmad sahaja yang mendapat riwayat ini dari saluran ini. Al-Bayhaqi telah mensanadkan riwayat ini di dalam "الدلائل" dari saluran Muhammad ibn Kathir dari saudaranya Sulaiman ibn Kathir dari Hasin ibn Abdul Rahman. Dan riwayat ini juga telah diriwayatkan oleh Ibn Jarir dan al-Bayhaqi dari saluran-saluran yang lain dari Jabir ibn Mut'am juga.

Dari riwayat Abdullah ibn 'Abbas r.a. Ujar al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Yahya ibn Kathir, kami telah diceritakan oleh Bakr dari Ja'far dari 'Irak ibn Malik dari 'Ubaydullah ibn Abdullah ibn 'Utbah

dari ibn 'Abbas katanya: "Bulan telah terbelah di zaman Rasulullah s.a.w." Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari saluran yang lain dari 'Irak dengan sanadnya yang telah talu hingga kepada ibn 'Abbas... Ibn Jarir pula telah meriwayatkan dari satu saluran yang lain hingga kepada 'Ali ibn Abu Talhah dari Ibn 'Abbas katanya: "Peristiwa itu telah berlalu. Ia telah berlaku sebelum Hijrah di mana bulan telah terbelah sehingga mereka melihat kedua-dua belahnya. Al-Aufi juga telah meriwayatkannya seperti ini dari Ibn 'Abbas... Ujar at-Tabrani dengan satu sanad yang lain dari 'Ikrimah dari Ibn 'Abbas katanya: "Bulan telah gerhana di zaman Rasulullah s.aw., lalu mereka berkata bulan itu telah disihir, maka turunlah ayat "اقتربت الساعة وانشق القمر" hingga kepada firman-Nya "مستمر".

Dari riwayat Abdullah ibn 'Umar r.a. Kata al-Hafiz Abu Bakr al-Bayhaqi kami telah dikhabarkan oleh Abdullah al-Hafiz dan Abu Bakr Ahmad ibn al-Hasan al-Qadhi. Kedua-duanya berkata: Kami telah diceritakan oleh Abu al-'Abbas al-Asamm, kami telah diceritakan oleh al-'Abbas ibn Muhammad ad-Duri, kami telah diceritakan oleh Wahb ibn Jarir dari Syu'bah dari al-A'masy dari Mujahid dari Abdullah ibn 'Umar mengenai firman Allah Ta'ala " اقتربت الساعة وانشق القمر" katanya: Peristiwa itu berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. Bulan telah terbelah dua, sebelah di depan bukit dan sebelah lagi di belakang bukit. Lalu Nabi Muhammad s.a.w. pun berkata: "Ya Allah! Saksikanlah!" Demikian juga diriwayatkan oleh Muslim dan at-Tirmizi dari beberapa saluran dari Syu'bah dari al-A'masy dari Mujahid.

Dari riwayat Abdullah ibn Mas'ud r.a. Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Sufyan dari Ibn Abu Najih dari Mujahid dari Abu Ma'mar dari ibn Mas'ud katanya: "Bulan telah terbelah dua di zaman Rasulullah s.a.w. sehingga orang ramai dapat melihatnya. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: 'Saksikanlah sekalian kamu.' Demikianlah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari hadith Sufyan ibn 'Uyaynah dan dari Abu Ma'mar Abdullah ibn Sakhbarah dari Ibn Mas'ud. Dan ujar at-Bukhari: Kata Abu Daud at-Thayalisi: Kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah dari al-Mughirah dari Abu adh-Dhuha dari Masruq dari Abdullah ibn Mas'ud katanya: Bulan telah terbelah di zaman Rasulullah s.a.w., lalu kaum Quraysy berkata: "Ini adalah sihir anak Abu Kabsyah (Muhammad)." Kata Ibn Mas'ud: Orang ramai pun berkata: "Lihatlah dahulu kepada berita yang sampai kepada kamu dari orang-orang yang musafir, kerana Muhammad tidak berkuasa untuk menyihirkan semua orang." Kata ibn Mas'ud: Kemudian datanglah orang-orang yang musafir dan mereka menceritakan seperti itu juga. Al-Bayhaqi pula telah meriwayatkan dari saluran yang lain dari Masruq dari Abdullah ibn Mas'ud riwayat yang hampir sama dengan riwayat tadi.

Inilah riwayat-riwayat yang mutawatir dari berbagai-bagai saluran yang menthabitkan berlakunya peristiwa ini dengan menentukan tempat berlakunya di Makkah kecuali satu riwayat yang tidak kami sebutkannya dari Abdullah ibn Mas'ud r.a. yang menyatakan bahawa tempat berlakunya peristiwa itu ialah di Mina dan menentukan masanya di zaman Rasulullah s.a.w. sebelum Hijrah ke Madinah. Dan penentuan keadaan bulan yang terbelah itu di dalam kebanyakan riwayat ialah ia terbelah dua. Dan dalam satu riwayat: Bulan itu telah digerhanakan Allah. Jadi peristiwa ini adalah tetap telah berlaku berdasarkan riwayat-riwayat yang mutawatir ini yang menentukan tempat, masa dan keadaan terbelah itu.

Itulah satu peristiwa yang dihadapkan Al-Qur'an kepada kaum Musyrikin pada masa itu. Tidak ada riwayat yang menceritakan bahawa mereka telah mendustakan berlakunya peristiwa itu. Oleh itu, peristiwa ini pastilah telah berlaku dalam bentuk yang tidak dapat didustakan mereka walaupun secara pertikaian untuk menegakkan benang basah sebagaimana mereka biasa lakukannya dalam menghadapi ayat-ayat Allah yang lain andainya mereka mendapat jalan untuk mendustakannya. Apa yang diriwayatkan tentang penerimaan mereka ialah mereka berkata: "Muhammad telah menyihirkan kita!" Tetapi apabila mereka sendiri menyiasat peristiwa itu, mereka dapati ianya bukan sihir, kerana jika Muhammad telah menyihirkan mereka di Makkah, maka sudah tentu dia tidak dapat menyihirkan orang-orang yang musafir di luar Makkah yang telah melihat peristiwa itu dan mereka memang telah mengakui kebenarannya apabila mereka ditanya orang.

Cumanya saya ingin berkata sepatah tentang riwayat yang mengatakan bahawa kaum Musyrikin telah meminta Nabi s.a.w. menunjukkan kepada mereka satu tanda mu'jizat, lalu terbelahlah bulan, kerana riwayat ini bercanggah dengan maksud yang difahamkan dari nas Al-Qur'an bahawa Rasulullah s.a.w. tidak diutus dengan mu'jizat-mu'jizat dari jenis mu'jizat-mu'jizat yang dikurniakan kepada rasul-rasul sebelumnya kerana sesuatu sebab yang tertentu.

Firman Allah:

"Dan tidak ada yang menghalangkan kami dari mengirimkan mu'jizat-mu'jizat (kepadamu wahai Muhammad) melainkan kerana ia telah didustakan oleh manusia yang terdahulu."

(Surah al-Isra': 59)

Yang difahamkan dari ayat ini ialah hikmat Allah menghendaki mu'jizat-mu'jizat itu tidak dikirimkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. kerana mu'jizat-mu'jizat itu telah didustakan oleh manusia-manusia yang terdahulu.

Setiap kali kaum Musyrikin menuntut Rasulullah s.a.w. menunjukkan tanda mu'jizat, beliau memberi jawapan yang membayangkan bahawa urusan

mu'jizat itu adalah di luar garis tugasnya, dan beliau tidak lebih dari seorang manusia yang menjadi rasul. Beliau mengajak mereka pulang kepada Al-Qur'an dan mencabar mereka dengannya. Mereka telah dicabarkan dengan Al-Qur'an kerana Al-Qur'anlah satu-satunya mu'jizat agama Islam ini:

قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَىٰٓ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾

وَقَالُوا۟ لَن نُّؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ ٱلْأَرْضِ يَنۢبُوعًا ﴿٩٠﴾

أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجِّرَ ٱلْأَنْهَٰرَ خِلَٰلَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾

أَوْ تُسْقِطَ ٱلسَّمَآءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسَفًا أَوْ تَأْتِىَ بِٱللَّهِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾

أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّن زُخْرُفٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِى ٱلسَّمَآءِ وَلَن نُّؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَٰبًا نَّقْرَؤُهُۥ ۗ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّى هَلْ كُنتُ إِلَّا بَشَرًا رَّسُولًا ﴿٩٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul semuanya untuk mengadakan kitab seperti Al-Qur'an ini, nescaya mereka tidak dapat mengadakannya walaupun mereka saling membantu satu sama lain (88). Dan sesungguhnya Kami telah mengulang-ngulangkan kepada manusia di dalam Al-Qur'an ini segala jenis perumpamaan, tetapi kebanyakan manusia enggan kecuali mengingkarkannya (89). Dan mereka berkata: Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga engkau dapat memancarkan dari bumi sebuah matair untuk kami (90). Atau engkau mempunyai sebuah kebun kurma dan anggur dan mengalirkan anak-anak sungai yang deras di celah-celah kebun itu (91). Atau engkau gugurkan kepingan-kepingan langit di atas kami sebagaimana engkau telah katakan atau engkau membawa Allah dan malaikat berdepan dengan kami (92). Atau engkau mempunyai sebuah rumah dari emas atau engkau naik ke langit, dan (dalam hal itu) kami tidak akan percayakan kepada kenaikanmu itu sehingga engkau menurunkan kepada kami sebuah kitab yang kami dapat bacakannya. Katakan (wahai Muhammad): Maha Suci Tuhanku, tiadalah aku ini melainkan hanya seorang manusia yang menjadi rasul sahaja (93)."

(Surah al-Isra': 88-93)

Pendapat yang mengatakan bahawa peristiwa bulan terbelah itu merupakan jawapan kepada permintaan kaum Musyrikin yang mahukan satu tanda mu'jizat nampaknya berjauhan dari mafhum nas Al-Qur'an dan dari tujuan agama yang akhir ini yang mahu berbicara dengan hati manusia dengan Al-Qur'an sahaja, iaitu dengan segala kandungannya yang amat mengkagumkan itu, kemudian membimbingkan hati itu menerusi Al-Qur'an kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang wujud di dalam kejadian diri manusia dan di merata pelusuk alam, juga di dalam peristiwa-peristiwa sejarah. Segala mu'jizat yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. yang disaksikan oleh riwayat-riwayat yang sahih, hanya merupakan penghormatan dari Allah kepada hamba-Nya sahaja bukannya merupakan dalil untuk membenarkan kerasulannya.

Oleh kerana itu kami menthabitkan peristiwa bulan terbelah itu dengan nas Al-Qur'an dan riwayat-riwayat yang mutawatir yang telah menentukan tempat berlakunya peristiwa itu juga masanya dan caranya. Dan Kami bertawaqquf atau enggan mengulas sebab-sebab berlakunya peristiwa itu seperti yang disebut oleh setengah-setengah riwayat. Kami hanya berpada dengan keterangan Al-Qur'an yang menyebut peristiwa itu, di samping menyebut kehampiran waktu Qiamat dan mengirakan sebutan itu sebagai bertujuan menyentuh hati manusia supaya mereka sedar dan menyahut seruan.

Jadi, peristiwa bulan terbelah merupakan satu mu'jizat alam, yang mana hati dan pandangan manusia telah diarahkan Al-Qur'an supaya memperhatikannya sebagaimana ia menarik hati dan pandangan mereka kepada mu'jizat-mu'jizat alam yang lain, di samping menyatakan kehairanannya terhadap sikap manusia yang tidak acuh kepada mu'jizat alam itu sebagaimana menyatakan kehairanannya terhadap sikap mereka yang tidak acuh kepada mu'jizat-mu'jizat alam yang lain.

Kejadian-kejadian mu'jizat fizikal mungkin mena'jubkan hati manusia di peringkat awal perkembangan mindanya iaitu sebelum ia mempunyai kesediaan untuk memahami mu'jizat-mu'jizat alam yang sentiasa wujud di setiap masa dan sebelum ia menghayati kesan-kesannya yang tetap dan tenang. Segala mu'jizat yang berlaku di tangan para rasul Salawatullahi 'alaihim sebelum akal manusia mencapai tahap kematangan itu sebenarnya di alam ini telah pun wujud kejadian-kejadian yang lebih mena'jubkan tagi dari mu'jizat-mu'jizat itu, walaupun kejadian-kejadian itu tidak mengharukan hati manusia di peringkat perkembangan tanggapannya yang primitif sebagaimana ia diharukan oleh mu'jizat-mu'jizat yang berlaku di tangan para rasul itu.

Katakanlah: Kejadian bulan terbelah itu berlaku sebagai satu kejadian mu'jizat, maka kejadian bulan itu sendiri merupakan satu mu'jizat yang lebih besar dari kejadian terbelahnya. Bulan mena'jubkan kita dengan ukurannya, kedudukannya, rupa bentuknya, tabi'atnya, manzilah-manzilahnya, peredarannya, pusingannya, kesan-kesannya di dalam kehidupan bumi dan keadaannya yang terapung-apung di angkasa raya tanpa tiang. Inilah mu'jizat yang amat besar yang sentiasa terbentang di hadapan mata dan hati, di mana ia memantulkan kesan dan bayangannya dan tersergam di hadapan pancaindera manusia sebagai saksi kekuasaan Allah yang amat mengkagumkan dan tidak dapat diingkari kecuali kerana degil dan angkuh.

Kedatangan Al-Qur'an ialah untuk membawa hati manusia berdiri di hadapan seluruh alam buana ini yang mengandungi segala mu'jizat Allah yang kekal dan tetap, dan menghubungkannya dengan alam buana dan mu'jizat Allah itu pada setiap waktu, bukannya hanya sekali dalam satu jangka waktu yang terbatas, dan bukan hanya disaksikan oleh satu generasi manusia sahaja di suatu tempat yang terbatas.

Seluruh alam buana ini menjadi medan perhatian dan renungan untuk meneliti mu'jizat-mu'jizat ciptaan Allah yang tak kunjung habis dan hilang. Alam dengan keseluruhannya merupakan satu mu'jizat. Segala kejadian yang besar dan yang kecil masing-masing merupakan satu mu'jizat yang tersendiri. Setiap waktu hati manusia dijemput untuk menyaksikan mu'jizat-mu'jizat alam yang tetap itu dan untuk mendengar pengakuan-pengakuannya yang tegas, di samping meni'mati keajaiban-keajaiban ciptaan Allah yang indah di mana kecantikan bertemu dengan kesempurnaan dan di mana terangnya rasa ta'jub bersama kesedaran keimanan dan keyakinan yang tenang dan mendalam.

Di permulaan surah ini Al-Qur'an memberi isyarat betapa dekatnya masa Qiamat dan memberi isyarat kepada peristiwa bulan terbelah dengan nada yang menggoncangkan hati manusia yang menunggu-nunggu kedatangan Qiamat yang telah hampir itu dan melihat peristiwa bulan terbelah yang telah berlaku itu, dan membayangkan kejadian-kejadian Qiamat yang akan berlaku di bawah bayangan peristiwa alam yang besar ini, yang disaksikan oleh orang-orang Arab yang dihadapkan dengan ayat ini.

Mengenai maudhu' kehampiran Qiamat itu, al-Imam Ahmad telah meriwayatkan katanya: Kami telah diceritakan oleh Husayn, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Mutauwif dari Abu Hazim dari Sahl ibn Sa'd, katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. berkata: "**Aku dibangkitkan menjadi Rasul sedangkan hari Qiamat adalah seperti ini**", dan beliau memberi isyarat dengan dua anak jarinya iaitu jari telunjuk dan jari tengah.[1]

Walaupun masa Qiamat yang ngeri itu sudah hampir walaupun kejadian bulan terbelah yang mengharukan perasaan manusia itu telah berlaku dan walaupun wujudnya bukti-bukti kekuasaan Allah yang lain yang telah dilihat mereka di dalam berbagai-bagai bentuknya itu, namun hati mereka tetap degil dan tetap memilih kesesatan. Mereka tidak terpengaruh kepada janji-janji 'azab yang akan menimpa mereka, dan tidak pula terpengaruh kepada nada berbagai-bagai ayat yang cukup untuk dijadikan pengajaran dan cukup untuk memberhentikan mereka dari bertindak melakukan pendustaan itu:

وَإِن يَرَوْا۟ ءَايَةً يُعْرِضُوا۟ وَيَقُولُوا۟ سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ ﴿٢﴾

وَكَذَّبُوا۟ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣﴾

وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّنَ ٱلْأَنۢبَآءِ مَا فِيهِ مُزْدَجَرٌ ﴿٤﴾

حِكْمَةٌۢ بَٰلِغَةٌ ۖ فَمَا تُغْنِ ٱلنُّذُرُ ﴿٥﴾

"Dan jika mereka (kaum Musyrikin) melihat sesuatu mu'jizat, mereka berpaling dan berkata ini adalah suatu sihir yang berterusan(2). Dan mereka mendustakan (Nabi) dan mengikut hawa nafsu mereka, dan segala urusan itu tetap pada tempatnya(3). Sesungguhnya telah datang kepada mereka berbagai-bagai berita (umat-umat yang silam) yang mengandungi pengajaran yang mencegahkan (mereka dari kesesatan)(4). (Berita-berita itu) suatu hikmat yang sempurna, tetapi amaran dan peringatan itu tidak memberi faedah (kepada mereka yang degil)."(5)

Maksudnya, mereka tetap berpaling juga dan berkata: "Kami telah disihirkan" ketika mereka melihat tanda, kekuasaan pada peristiwa bulan terbelah itu. Dan demikianlah juga pandangan mereka terhadap ayat Al-Qur'an. Mereka telah berkata: "Ini suatu sihir yang dipelajari dari orang-orang zaman dahulu." Itulah pendapat mereka setiap kali mereka melihat bukti kekuasaan Allah yang mena'jubkan. Dan oleh kerana bukti-bukti atau ayat-ayat kekuasaan Allah muncul berturut-turut dan bersambung-sambung, maka mereka pun berkata: "**Ini adalah suatu sihir yang berterusan**", tidak putus-putus. Mereka berpaling terus dari merenungi tabi'at dan hakikat dari ayat-ayat itu dan dari memikirkan tujuan-tujuan dan kenyataan-kenyataannya, malah mereka terus dustakan ayat-ayat dan kenyataan-kenyataan semata-mata kerana menurut hawa nafsu mereka bukannya kerana bersandar kepada hujah dan dalil, dan bukan pula kerana mencari kebenaran yang tetap wujud pada setiap kejadian yang ada di sekeliling mereka.

[1] *Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari hadith Abu Hazim Salamah bin Dinar.*

"Dan segala urusan tetap pada tempatnya."(3)

Pentadbiran Alam Ditegakkan Di Atas Peraturan Yang Mantap

Maksudnya, tiap-tiap suatu itu tetap pada tempatnya di alam buana yang besar ini. Tiap-tiap suatu itu berada di tempatnya yang tetap tidak beralih dan bergoncang, kerana urusan pentadbiran alam buana ini ditegakkan di atas peraturan yang tetap dan mantap bukannya ditegakkan di atas hawa nafsu yang berubah-ubah dan tabi'at yang bertukar-tukar, dan bukan pula ditegakkan di atas kebetulan dari sembarangan tanpa difikirkan lebih dahulu. Segala sesuatu itu tetap pada tempatnya dan pada waktunya. Sifat tetap dan mantap menguasai segala kejadian yang ada di sekeliling mereka. Sifat itu jelas kelihatan pada semua kejadian, iaitu pada peredaran bintang-bintang, pada peraturan-peraturan hidup, pada perkembangan-perkembangan tumbuh-tumbuhan dan haiwan, pada gejala-gejala yang tetap, pada setiap sesuatu dan benda, malah pada semua tugas anggota tubuh badan mereka yang teratur yang tidak dapat dikuasai mereka dan tidak tunduk kepada kehendak hawa nafsu mereka. Tetapi walaupun sifat tetap dan mantap ini mengelilingi mereka dan menguasai segala sesuatu di sekeliling mereka, walaupun sifat itu jelas kelihatan pada semua kejadian yang berada di hadapan dan di belakang mereka, namun hanya mereka sahaja yang kelihatan goyang dipermain-mainkan hawa nafsu mereka.

وَلَقَدْ جَآءَهُم مِّنَ ٱلْأَنۢبَآءِ مَا فِيهِ مُزْدَجَرٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya telah datang kepada mereka berbagai-bagai berita (umat-umat yang silam) yang mengandungi pengajaran yang mencegahkan (mereka dari kesesatan)."(4)

Maksudnya, berita-berita dari bukti-bukti dari kejadian-kejadian kauniyah alam buana yang diterangkan Allah dengan berbagai-bagai gambaran di dalam Al-Qur'an ini, juga berita-berita kebinasaan umat-umat dahulu kala yang mendustakan rasul-rasul mereka, dan berita-berita Akhirat yang digambarkan Al-Qur'an kepada mereka, semuanya memberi pengajaran yang menyekatkan dari kesesatan kepada siapa sahaja yang ingin mendapat pengajaran dan keinsafan. Semua berita itu mengandungi hikmat pengajaran yang boleh membimbing hati manusia kepada memikirkan pentadbiran Allah Yang Maha Bijaksana. Tetapi hati yang buta tidak terbuka untuk melihat ayat-ayat atau bukti-bukti itu dan untuk mengambil manfa'at dari berita-berita itu. Ia tidak akan sedar walaupun diberi amaran demi amaran:

حِكْمَةٌۢ بَٰلِغَةٌ ۖ فَمَا تُغْنِ ٱلنُّذُرُ ﴿٥﴾

"(Berita-berita itu) suatu hikmat yang sempurna, tetapi amaran dan peringatan itu tidak memberi faedah (kepada mereka yang degil)."(5)

Maksudnya, amaran-amaran itu hanya berguna jika ada iman, dan keimanan itu adalah suatu limpah kurnia dari Allah kepada hati yang bersedia untuk beriman dan yang layak menerima kurnia itu.

Setelah menggambarkan sikap mereka yang degil yang tidak mahu mengambil pengajaran dari berita-berita itu dan tidak berguna diberi amaran demi amaran, maka Al-Qur'an menujukan perintah-Nya kepada Rasulullah s.a.w. supaya jangan menghiraukan mereka. Biarkanlah mereka sendiri menemui hari Qiamat yang hampir itu, sedangkan mereka telah pun melihat peristiwa bulan terbelah sebelum datangnya hari itu:

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ ۘ يَوْمَ يَدْعُ ٱلدَّاعِ إِلَىٰ شَىْءٍ نُّكُرٍ ﴿٦﴾ خُشَّعًا أَبْصَٰرُهُمْ يَخْرُجُونَ مِنَ ٱلْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ ﴿٧﴾

مُّهْطِعِينَ إِلَى ٱلدَّاعِ ۖ يَقُولُ ٱلْكَٰفِرُونَ هَٰذَا يَوْمٌ عَسِرٌ ﴿٨﴾

"Oleh itu, berpalinglah dari mereka (dan tunggulah) hari malaikat penyeru (Israfil) akan menyeru mereka kepada sesuatu yang dahsyat (hari Qiamat) yang tidak menyenangkan mereka(6). Dengan pandangan yang tunduk mereka keluar dari kubur-kubur seolah-olah mereka belalang-belalang yang berkeliaran(7). Mereka tergesa-gesa menuju kepada penyeru itu. Lalu orang-orang kafir berkata: Hari ini adalah hari yang amat gawat."(8)

Ayat ini menggambarkan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat. Pemandangan yang dahsyat ini sesuai dengan keseluruhan bayangan surah ini, sesuai dengan berita kehampiran hari Qiamat dan dengan berita bulan terbelah dan seterusnya sesuai dengan nada irama surah ini.

Pemandangan Manusia Dikeluarkan Dari Kubur-kubur Ketika Berlaku Qiamat

"Qiamat mendekat dengan cepat. Ia bergerak hebat dengan sifat-sifatnya yang sempurna, tiba-tiba dalam sekelip mata kumpulan-kumpulan manusia keluar berkeliaran dari lubang-lubang kubur seolah-olah mereka laksana belalang yang terbang berhamburan. Seluruh mata mereka tunduk hina dan cemas. Mereka berjalan tergesa-gesa menuju ke arah penyeru yang menyeru mereka kepada satu urusan yang sangat asing yang tidak diketahui mereka dan merunsingkan mereka. Di tengah-tengah perhimpunan dan pandangan yang tunduk dan perjalanan mereka yang tergesa-gesa itu orang-orang kafir berkata: **"Hari ini adalah suatu hari yang amat gawat"**. Itulah rungutan orang-orang yang sedang dalam kesusahan dan kepenatan. Mereka keluar dari kubur untuk

menghadapi urusan yang amat sulit dan amat menakutkan."[2]

******

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 17)

Selepas kenyataan yang keras di permulaan surah dan selepas menayangkan pemandangan para pendusta yang menderita pada hari Qiamat, Al-Qur'an mula menayangkan pula pemandangan kebinasaan dan 'azab sengsara yang telah menimpa para pendusta dari umat-umat sebelum mereka, dan dimulakan dengan kaum Nuh:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَجْنُونٌ وَازْدُجِرَ ﴿٩﴾
فَدَعَا رَبَّهُ أَنِّي مَغْلُوبٌ فَانْتَصِرْ ﴿١٠﴾
فَفَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُنْهَمِرٍ ﴿١١﴾
وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَى أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ ﴿١٢﴾
وَحَمَلْنَاهُ عَلَى ذَاتِ أَلْوَاحٍ وَدُسُرٍ ﴿١٣﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (Rasulnya), mereka telah mendustakan hamba Kami (Nuh), dan mereka berkata: Dia seorang gila dan dia telah diancam(9). Lalu dia berdo'a kepada Tuhannya: Sesungguhnya aku telah dikalahkan. Oleh itu, berilah kemenangan kepadaku(10). Lalu Kami bukakan pintu-pintu langit menurunkan air hujan yang lebat(11). Dan Kami jadikan bumi memancurkan matair-matair, lalu air-air itu bertemu untuk melaksanakan satu rancangan yang telah ditetapkan(12). Lalu Kami bawakannya (Nuh) di atas (sebuah bahtera dari) papan-papan dan paku."(13)

تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاءً لِمَنْ كَانَ كُفِرَ ﴿١٤﴾
وَلَقَدْ تَرَكْنَاهَا آيَةً فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿١٥﴾
فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿١٦﴾
وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿١٧﴾

"Yang belayar di bawah pandangan Kami sebagai balasan kepada orang yang telah diingkarkan (Nuh)(14). Sesungguhnya Kami telah tinggalkan bahtera itu sebagai bukti pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(15). Oleh itu bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(16). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an itu untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(17).

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ

"Sebelum mereka, kaum Nuh telah mendustakan (Rasulnya)."(9)

Kaum Nuh Ditenggelami Banjir Besar

Maksudnya, sebelum mereka kaum Nuh telah pun mendustakan kerasulan dan bukti-bukti kekuasaan Allah. Mereka telah membohongkan Nabi Nuh a.s. dan menuduhnya sebagai orang gila sama seperti orang-orang Quraysy yang zalim menuduh Nabi Muhammad s.a.w. Mereka telah mengancam untuk membunuh Nabi Nuh a.s. dengan rejam dan menyakitinya dengan ejekan dan sendaan. Mereka menuntut kepadanya supaya berhenti berda'wah kepada mereka dan mereka terus bertindak mengancamnya, sedangkan sepatutnya merekalah yang harus mengambil pengajaran dan keinsafan.

Di waktu inilah Nuh kembali kepada Allah yang telah mengutus dan memberi tugas menyampaikan da'wah kepadanya. Dia kembali melaporkan kepada Allah hasil yang telah berlaku di antara dia dengan kaumnya dan hasil kesudahan perjuangannya dan daya usahanya, serta menyerahkan urusan itu kembali kepada Allah setelah dia tidak lagi mempunyai daya tenaga:

فَدَعَا رَبَّهُ أَنِّي مَغْلُوبٌ فَانْتَصِرْ ﴿١٠﴾

"Lalu dia berdo'a kepada Tuhannya: Sesungguhnya aku telah dikalahkan.Oleh itu, berilah kemenangan kepadaku."(10)

Maksudnya, segala daya tenagaku telah kehabisan, dan kekuatanku telah berakhir dan aku telah dikalahkan. Oleh itu, wahai Tuhanku! Berilah kemenangan kepada da'wah-Mu, berilah kemenangan kepada agama-Mu yang benar, berilah kemenangan kepada peraturan hidup yang telah diciptakan Engkau, kerana urusan ini adalah urusan-Mu dan da'wah ini adalah da'wah-Mu dan kerana perananku telah berakhir.

Sehabis sahaja kata-kata aduan ini dan sebaik sahaja Nabi Nuh a.s. menyerahkan urusan da'wah itu kepada Allah Yang Maha Mulia dan Maha Perkasa, maka qudrat Allah Yang Maha Kuasa memerintahkan roda alam yang agung itu berpusing, lalu ia berpusing dengan bunyinya yang kuat dan bergema:

فَفَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُنْهَمِرٍ ﴿١١﴾
وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَى أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ ﴿١٢﴾

"Lalu Kami bukakan pintu-pintu langit menurunkan air hujan yang lebat(11). Dan Kami jadikan bumi memancurkan matair-matair, lalu air-air itu bertemu untuk melaksanakan satu rancangan yang telah ditetapkan."(12)

Ini merupakan satu gerak alam yang amat besar yang digambarkan oleh kata-kata dan kalimat-kalimat yang terpilih. Mula-mula dengan kata-kata yang menghubungkan tindakan itu secara langsung kepada Allah:

---

[2] *Dipetik dengan sedikit pindaan dari kitab "مشاهد القيامة في القرآن".*

فَفَتَحْنَآ أَبْوَٰبَ ٱلسَّمَآءِ

"Lalu Kami bukakan pintu-pintu langit."(11)

Dengan ini membuat seseorang pembaca itu benar-benar merasa qudrat Ilahi sedang membuka pintu-pintu langit menurunkan hujan yang amat lebat dan berterusan. Dan dengan qudrat yang sama juga, Allah memancurkan matair-matair di bumi, satu ungkapan yang melukiskan pemandangan pemancuran matair seolah-olah terpancur di merata pelusuk bumi dan seolah-olah bumi telah bertukar menjadi pancuran-pancuran air.

Dan air yang mencurah-curah dari langit itu bertemu pula dengan air yang memancur dari dalam bumi untuk:

عَلَىٰٓ أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ ﴿١٢﴾

"Melaksanakan satu rancangan yang telah ditetapkan."(12)

Kedua-duanya ta'at kepada perintah Allah untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan taqdir-Nya.

Apabila air itu menjadi banjir yang amat besar menenggelami muka bumi dan menyapu bersih kekotoran kufur yang menutupinya, iaitu kekotoran yang tak mampu lagi dibersihkan oleh rasul-Nya Nuh a.s., maka qudrat Allah Maha Perkasa dan Maha Penyayang itu pun datang pula menyelamatkan rasul-Nya.

"Lalu Kami bawakannya (Nuh) di atas (sebuah bahtera dari) papan-papan dan paku(13). Yang belayar di bawah pandangan Kami sebagai balasan kepada orang yang telah diingkarkan (Nuh)."(14)

Tujuan yang jelas dari ungkapan ini ialah untuk membesar-besarkan keperihalan bahtera yang besar itu yang diperbuat dari papan-papan dan paku-paku. Kata-kata bahtera itu sendiri tidak disebut, malah hanya dia disebut sifatnya sahaja yang diperbuat dari papan-papan kayu dan paku-paku kerana bahtera itu begitu besar dan bernilai. Ia belayar di bawah pemeliharaan dan pengawasan Allah:

جَزَآءً لِّمَن كَانَ كُفِرَ ﴿١٤﴾

"Sebagai balasan kepada orang yang diingkarkan."(14)

Iaitu satu balasan dalam bentuk pemeliharaan dan penghormatan untuk menyapu segala kekasaran, kebiadapan dan ejekan-ejekan yang dialami Nuh a.s. dari kaumnya. Balasan itu juga menggambarkan sejauh mana kekuatan yang dimiliki oleh rasul yang memperjuangkan agama Allah yang telah dikalahkan oleh musuhnya, kemudian ia pulang menyerahkan kembali nasib dirinya dan nasib da'wahnya kepada Allah supaya memberi kemenangan kepadanya. Seluruh kekuatan yang wujud di alam buana itu adalah diletakkan untuk berkhidmat kepadanya dan untuk menolongnya. Allahlah yang menguasai kekuatan-kekuatan itu dengan qudrat kuasa-Nya.

Dengan pemandangan kemenangan yang besar, sempurna, mu'tamad dan menyeluruh itu, Al-Qur'an tujukan kepada hati manusia yang menyaksikan pemandangan itu satu kesimpulan semoga ia insaf dan mengambil pengajaran:

وَلَقَد تَّرَكْنَٰهَآ ءَايَةً فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah tinggalkan bahtera itu sebagai bukti pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(15)

Maksudnya, peristiwa banjir yang besar dengan segala sebab dan suasananya itu Kami tinggalkannya sebagai suatu bukti pengajaran kepada seluruh generasi manusia yang akan datang:

فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٥﴾

"Maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(15)

untuk dijadikan peringatan dan i'tibar.

Kemudian Al-Qur'an iringi pula dengan satu pertanyaan untuk menyedarkan hati manusia terhadap kedahsyatan 'azab Allah dan kebenaran amaran-Nya:

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿١٦﴾

"Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?'(16)

'Azab banjir itu amat dahsyat sebagaimana telah digambarkan oleh Al-Qur'an, iaitu satu 'azab yang membawa kemusnahan yang amat besar. Al-Qur'an merupakan pemberi amaran 'azab yang amat benar. Al-Qur'an sentiasa hadir, mudah dibaca dan dimengerti. Ia mempunyai daya tarikan untuk dibaca dan diambil pengajaran. Ia mempunyai daya tarikan kerana kebenarannya dan kemudahannya untuk difaham dan daya tarikan kerana persesuaiannya dengan fitrah manusia. Keajaiban-keajaiban Al-Qur'an tidak pernah kehabisan dan tidak akan buruk dan lusuh kerana banyak dibaca dan diulang-ulang. Setiap kali difikir dan diteliti ia kembali pula membawa pengertian yang baru. Semakin rapat persahabatan dengannya semakin mendalam kemesraan dirasakan:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا ٱلْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an itu untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apa-kah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(17)

Inilah kesimpulan yang diulang-ulangkan Al-Qur'an setiap habisnya sesuatu pemandangan. Ia membawa hati manusia berdiri di hadapan kesimpulan ini untuk

menyerunya dengan tenang supaya mengambil pengajaran dan perhatian.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 22)

كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿١٨﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي يَوْمِ نَحْسٍ مُسْتَمِرٍّ ﴿١٩﴾

تَنْزِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ ﴿٢٠﴾

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢١﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿٢٢﴾

"Kaum 'Ad telah mendustakan (Rasulnya). Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(18). Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang pada hari nahas yang berterusan(19). Yang menumbangkan manusia bergelimpangan seolah-olah batang-batang pokok kurma yang terbongkar umbinya(20). Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(21). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(22)

Ini adalah siri kedua atau pemandangan kedua dari pemandangan-pemandangan 'azab seksa yang dahsyat. Ia dimulakan dengan cerita pendustaan kaum 'Ad, dan sebelum ia menghabiskan cerita itu ia bertanya ta'jub:

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢١﴾

"Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?"(21)

Yakni apakah yang telah berlaku apabila kaum 'Ad itu mendustakan rasulnya, kemudian ia menjawab dengan jawapan sepintas lalu yang menakutkan:

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي يَوْمِ نَحْسٍ مُسْتَمِرٍّ ﴿١٩﴾

تَنْزِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang pada hari nahas yang berterusan(19). Yang menumbangkan manusia bergelimpangan seolah-olah batang-batang pokok kurma yang terbongkar umbinya."(20)

Kaum 'Ad Dilanggar Ribut Kencang

Maksudnya, ribut yang amat kencang ialah ribut dingin yang kuat. Bunyi dari kata-kata "صَرْصَر" itu sendiri dapat membayangkan jenis ribut itu. Maksud hari nahas ialah hari kecelakaan kerana tidak ada kecelakaan yang lebih dahsyat dari kecelakaan yang telah menimpa kaum 'Ad. Mereka telah dicabut, ditarik dan dihancurleburkan oleh ribut yang kencang itu, mereka mati bergelimpangan seperti batang-batang pokok kurma yang tumbang dan terbongkar akar umbinya.

Pemandangan itu sungguh mengerikan. Angin ribut yang dilepaskan ke atas kaum 'Ad itu adalah dari tentera-tentera Allah, ia adalah salah satu kekuatan dari kekuatan-kekuatan alam ini yang diciptakan Allah. Ia bertiup mengikut undang-undang alam yang dipilih oleh Allah. Ia meng-hembuskan ke atas mereka yang dikehendaki Allah dan dalam waktu yang sama ia bertiup mengikut undang-undang alam itu. Tidak ada pertentangan di antara hala tiupannya yang ditentukan undang-undang alam itu dengan keta'atannya kepada perintah Allah yang menciptakan undang-undang itu supaya bertiup mengikut kehendak iradat-Nya:

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢١﴾

"Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?"(21)

Al-Qur'an mengulangi pertanyaan ini pada setiap tayangan pemandangan, dan sebagai jawapannya ialah pemandangan itu sendiri. Kemudian ia akhiri dengan kesimpulan yang diulang-ulangkan di dalam surah ini mengikut seni susunannya yang istimewa:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿٢٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(22)

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 32)

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan yang berikut:

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِالنُّذُرِ ﴿٢٣﴾

فَقَالُوا أَبَشَرًا مِنَّا وَاحِدًا نَتَّبِعُهُ إِنَّا إِذًا لَفِي ضَلَالٍ وَسُعُرٍ ﴿٢٤﴾

أَأُلْقِيَ الذِّكْرُ عَلَيْهِ مِنْ بَيْنِنَا بَلْ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرٌ ﴿٢٥﴾

سَيَعْلَمُونَ غَدًا مَنِ الْكَذَّابُ الْأَشِرُ ﴿٢٦﴾

إِنَّا مُرْسِلُو النَّاقَةِ فِتْنَةً لَهُمْ فَارْتَقِبْهُمْ وَاصْطَبِرْ ﴿٢٧﴾

وَنَبِّئْهُمْ أَنَّ الْمَاءَ قِسْمَةٌ بَيْنَهُمْ كُلُّ شِرْبٍ مُحْتَضَرٌ ﴿٢٨﴾

فَنَادَوْا صَاحِبَهُمْ فَتَعَاطَى فَعَقَرَ ﴿٢٩﴾

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٣٠﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَاحِدَةً فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْمُحْتَظِرِ ﴿٣١﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿٣٢﴾

"Kaum Thamud telah mendustakan amaran-amaran (Nabinya)(23). Lalu mereka berkata: Adakah wajar bagi kita mengikut seorang manusia yang sejenis dengan kita? Sesungguhnya kita berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala(24). Apakah wahyu itu diturunkan kepadanya sahaja di antara kita semua? Sebenarnya dia seorang pendusta yang amat tamak(25). Besok mereka akan mengetahui siapakah yang sebenarnya pendusta yang amat tamak itu(26). Sesungguhnya Kami telah mengirimkan unta mu'jizat sebagai satu ujian kepada mereka, oleh itu tunggulah tindak-tanduk mereka dan bersabarlah(27). Dan beritahu kepada mereka bahawa air telaga itu dibahagikan di antara mereka dengan unta itu, setiap masa giliran minum hanya dihadiri oleh yang berhak sahaja(28). Kemudian mereka memanggil kawan mereka, lalu dia pun mengambil unta itu dan membunuhnya(29). Oleh itu, bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?(30). Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka satu pekikan yang amat kuat dan mereka telah jadi seperti ranting-ranting kering yang hancur yang digunakan oleh pembuat kandang(31). Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(32)

Kejahatan Kaum Thamud Dan Balasan Allah Ke Atas Mereka

Kaum Thamud ialah satu qabilah yang menggantikan kaum 'Ad dari segi kekuatan dan keteguhan kedudukan mereka di Semenanjung Tanah Arab. Kaum 'Ad tinggal di sebelah selatan dan kaum Thamud tinggal di sebelah utara. Kaum Thamud telah mendustakan rasul yang diutuskan kepada mereka sebagaimana yang telah dilakukan 'Ad terhadap rasul yang diutuskan kepada mereka. Kaum Thamud tidak mengambil pengajaran dari kebinasaan yang telah menimpa kaum 'Ad yang termasyhur di seluruh Semenanjung Tanah Arab itu:

فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرًا مِّنَّا وَٰحِدًا نَّتَّبِعُهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ وَسُعُرٍ ﴿٢٤﴾

أَءُلْقِىَ ٱلذِّكْرُ عَلَيْهِ مِنۢ بَيْنِنَا بَلْ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرٌ ﴿٢٥﴾

"Lalu mereka berkata: Apakah wajar bagi kita mengikut seorang manusia yang sejenis dengan kita? Sesungguhnya kita berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala(24). Apakah wahyu itu diturunkan kepadanya sahaja di antara kita semua? Sebenarnya dia seorang pendusta yang amat tamak."(25)

Inilah kekeliruan yang berulang-ulang yang berkecamuk di dalam hati para pendusta generasi demi generasi:

أَءُلْقِىَ ٱلذِّكْرُ عَلَيْهِ مِنۢ بَيْنِنَا

"Apakah wahyu itu diturunkan kepadanya sahaja di antara kita semua?"(25)

Itulah keangkuhan yang kosong yang tidak memandang kepada hakikat da'wah itu sendiri, malah hanya memandang kepada tubuh penda'wah sahaja:

فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرًا مِّنَّا وَٰحِدًا نَّتَّبِعُهُۥٓ

"Apakah wajar bagi kita mengikut seorang manusia yang sejenis dengan kita?"(24)

Apakah halangan bagi Allah memilih salah seorang hamba-Nya kerana Dia lebih tahu memilih utusan yang akan membawa agama-Nya? Apakah halangan bagi Allah menurunkan wahyu kepadanya yang mengandungi bimbingan-bimbingan agar manusia mengambil peringatan dan perhatian? Apakah halangan bagi Allah memilih salah seorang hamba-Nya yang Dia ketahui mempunyai kesediaan dan bakat untuk tugas itu? Tidakkah Allah itu Pencipta seluruh makhluk dan Penurun wahyu? Ini adalah satu kekeliruan yang lemah yang hanya bersarang di dalam jiwa manusia yang sesat, iaitu manusia-manusia yang tidak ingin memikirkan hakikat da'wah itu sendiri untuk melihat sejauh mana kebenaran yang terkandung di dalamnya, mereka hanya memandang kepada tubuh penda'wah sahaja dan merasa begitu angkuh untuk mengikut seorang manusia kerana bimbang ikutan itu bererti memberi keutamaan dan penghormatan kepada orang itu, sedangkan mereka merasa begitu angkuh untuk mengaku dan menyerah kalah dan kerana itu mereka berkata kepada diri mereka sendiri:

فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرًا مِّنَّا وَٰحِدًا نَّتَّبِعُهُۥٓ إِنَّآ إِذًا لَّفِى ضَلَٰلٍ وَسُعُرٍ ﴿٢٤﴾

"Lalu mereka berkata: Apakah wajar bagi kita mengikut seorang manusia yang sejenis dengan kita? Sesungguhnya kita berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala."(24)

Yakni kita berada di dalam kesesatan dan api-api yang bernyala jika kita mengikut manusia yang sejenis dengan kita. Yang anehnya mereka menyifatkan diri mereka sebagai berada di dalam kesesatan jika mereka mengikut hidayat dan mengirakan diri mereka sebagai berada di dalam api-api yang bernyala-nyala, bukannya satu api sahaja yang bernyala-nyala jika mereka berteduh di bawah bayangan iman.

Kerana itu mereka menuduh rasul mereka yang telah dipilih Allah untuk memimpin mereka ke jalan yang benar dan lurus itu sebagai seorang pembohong yang tamak:

بَلْ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرٌ ﴿٢٥﴾

"Sebenarnya dia seorang pendusta yang amat tamak."(25)

Maksudnya, dia hanya seorang pendusta yang tidak pernah diturunkan wahyu kepadanya, dan seorang yang amat tamak untuk membolot kedudukan yang tinggi. Tuduhan yang seumpama ini adalah dihadapi

oleh semua penda'wah. Mereka dituduh menggunakan da'wah sebagai tabir untuk mendapat faedah dan muslihat diri sendiri. Itulah tuduhan manusia-manusia yang mempunyai hati yang buta yang tidak memahami pendorong-pendorong jiwa dan penggerak-penggerak hati.

Ketika Al-Qur'an sedang menceritakan kisah zaman dahulu, tiba-tiba ia menoleh ke zaman kini seolah-olah kisah itu sedang berlaku dan seolah-olah peristiwa itu sendiri mencerita dan memberi amaran terhadap apa yang akan berlaku:

سَيَعْلَمُونَ غَدًا مَّنِ ٱلْكَذَّابُ ٱلْأَشِرُ ﴿٢٦﴾

"Besok mereka akan mengetahui siapakah yang sebenarnya pendusta yang amat tamak itu."(26)

Inilah salah satu cara Al-Qur'an membentangkan kisah-kisah iaitu satu cara di mana Al-Qur'an meniupkan nafas yang hidup dalam sebuah kisah dan menukarkannya dari sebuah kisah yang dicerita kepada satu peristiwa yang benar-benar berlaku di hadapan semua mata, di mana para penontonnya dapat melihat babak-babak kejadiannya sekarang ini dan dapat mendugakannya di masa akan datang!

سَيَعْلَمُونَ غَدًا مَّنِ ٱلْكَذَّابُ ٱلْأَشِرُ ﴿٢٦﴾

"Besoknya mereka akan mengetahui siapakah yang sebenarnya pendusta yang amat tamak itu."(26)

Maksudnya, hari esok akan mendedahkan hakikat yang sebenar kepada mereka dan mereka tidak akan selamat dari akibat hakikat ini, iaitu hakikat yang akan menunjukkan bahawa malapetaka kebinasaan yang tetap akan menimpa pendusta yang tamak.

إِنَّا مُرْسِلُواْ ٱلنَّاقَةِ فِتْنَةً لَّهُمْ فَٱرْتَقِبْهُمْ وَٱصْطَبِرْ ﴿٢٧﴾ وَنَبِّئْهُمْ أَنَّ ٱلْمَآءَ قِسْمَةٌۢ بَيْنَهُمْ ۖ كُلُّ شِرْبٍ مُّحْتَضَرٌ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengirimkan unta mu'jizat sebagai satu ujian kepada mereka. Oleh itu, tunggulah tindak-tanduk mereka dan bersabarlah(27). Dan beritahu kepada mereka bahawa air telaga itu dibahagikan di antara mereka dengan unta itu, setiap masa giliran minum hanya dihadiri oleh yang berhak sahaja."(28)

Pembaca berhenti menunggu apa yang akan berlaku apabila Allah mengirimkan kepada mereka seekor unta mu'jizat untuk menguji mereka, dan rasul mereka Nabi Soleh a.s. juga berhenti menunggu apa yang akan berlaku sebagai menjunjung perintah Allah supaya beliau bersabar melayani mereka sehingga selesai ujian Allah. Beliau telah diberi Allah beberapa arahan iaitu bekalan air yang ada di dalam qabilah itu hendaklah di bahagikan bergilir-gilir di antara mereka dengan unta itu. Tentulah unta itu seekor unta istimewa yang melayakkannya menjadi unta mu'jizat. Giliran mengambil air hendaklah ditetapkan sehari untuk unta dan sehari pula untuk mereka.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan ceritanya:

فَنَادَوْاْ صَاحِبَهُمْ فَتَعَاطَىٰ فَعَقَرَ ﴿٢٩﴾

"Kemudian mereka memanggil kawan mereka lalu dia pun mengambil unta itu dan membunuhnya."(29)

Maksud: "*kawan mereka*" ialah seorang dari salah satu kumpulan penjahat di bandar itu yang diceritakan di dalam Surah an-Naml:

وَكَانَ فِى ٱلْمَدِينَةِ تِسْعَةُ رَهْطٍ يُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿٤٨﴾

"Di bandar itu terdapat sembilan kumpulan yang melakukan kerosakan di negeri itu dan tidak membuat kebaikan."(48)

Dan dialah orangnya yang diceritakan di dalam Surah as-Syams.

إِذِ ٱنۢبَعَثَ أَشْقَىٰهَا ﴿١٢﴾

"Ketika seorang yang paling jahat dari mereka tampil (membunuh unta itu)."(12)

Menurut satu riwayat, orang ini lebih dahulu telah meminum arak supaya dia menjadi berani untuk membunuh unta yang telah dihantarkan Allah kepada mereka sebagai tanda mu'jizat kepada mereka, kerana rasul mereka Nabi Soleh a.s. telah pun memberi amaran kepada mereka supaya jangan sekali-kali melakukan sesuatu yang tidak baik kepada unta itu kerana akibatnya mereka akan menerima 'azab yang dahsyat:

فَنَادَوْاْ صَاحِبَهُمْ فَتَعَاطَىٰ فَعَقَرَ ﴿٢٩﴾

"Kemudian mereka memanggil kawan mereka, lalu dia pun mengambil unta itu dan membunuhnya."(29)

Dengan perbuatan itu selesailah ujian Allah dan berlakulah 'azab yang dahsyat itu.

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿٣٠﴾

"Oleh itu bagaimana cara 'azab-Ku dan amaran-Ku?"(30)

Ini adalah satu pertanyaan untuk menimbulkan perasaan kaget sebelum menceritakan 'azab yang telah menimpa mereka selepas diberi amaran itu:

إِنَّآ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَٰحِدَةً فَكَانُواْ كَهَشِيمِ ٱلْمُحْتَظِرِ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka satu pekikan yang amat kuat dan mereka telah jadi seperti ranting-ranting kering yang hancur yang digunakan oleh pembuat kandang."(31)

Di sini Al-Qur'an tidak menerangkan maksud "**pekikan yang amat kuat**" itu walaupun di dalam Surah Fussilat telah diterangkan pekikan yang amat kuat itu ialah petir:

فَإِنْ أَعْرَضُواْ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ

عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah: Aku memberi amaran kepada kamu dengan bala petir seperti bala petir yang menimpa kaum 'Ad dan Thamud."(13)

Mungkin juga kata-kata "صاعقة" di dalam ayat ini diertikan dengan makna "membunuh" iaitu sebagai kata sifat kepada pekikan yang amat kuat itu, iaitu "pekikan yang amat kuat yang membunuh" dan mungkin pula merupakan penerangan kepada hakikat pekikan yang amat kuat itu dan ini bermakna bahawa "صائحة" (pekikan yang kuat) dan "صاعقة" yang membunuh itu adalah satu perkara yang sama, dan mungkin pula "**pekikan yang amat kuat**" itu ialah suara petir dan "yang membunuh" ialah kesan dari pekikan yang kuat itu yang tidak diketahui siapakah yang memekikkannya.

Walau bagaimanapun, mereka telah ditimpa pekikan yang amat kuat yang telah membinasakan mereka laksana ranting-ranting kering yang hancur yang digunakan oleh pembuat kandang. Mereka telah jadi seperti ranting-ranting kering yang hancur selepas satu pekikan yang amat kuat itu.

Ini adalah satu pemandangan yang ngeri dan menakutkan yang ditayang sebagai jawapan kepada sikap mereka yang angkuh dan sombong itu, kerana manusia yang angkuh dan sombong telah hancurlebur belaka dan hina-dina seperti ranting-ranting kering di kandang.

Dan di hadapan pemandangan yang dahsyat dan menggerunkan ini Allah membawa hati mereka pulang kepada Al-Qur'an supaya mereka mengambil pengajaran dan peringatan kerana Al-Qur'an amat mudah untuk dijadikan pengajaran dan peringatan:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٣٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(32)

Kemudian tabir dilabuhkan menutup pemandangan kemusnahan yang menghancurleburkan dan hina-dina, dan pemandangan itu masih ternampak di mata dan meninggalkan kesannya di dalam hati, dan Al-Qur'an terus menyeru mereka yang mahu mengambil pengajaran dan berfikir dengan teliti.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 40)

Kemudian tabir disingkapkan kembali menunjukkan satu babak cerita yang baru yang berlaku selepas itu dalam sejarah dalam lingkungan masyarakat Semenanjung Tanah Arab juga.

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ بِالنُّذُرِ ﴿٣٣﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَّا آلَ لُوطٍ ۖ نَّجَّيْنَاهُم بِسَحَرٍ ﴿٣٤﴾

نِّعْمَةً مِّنْ عِندِنَا ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِي مَن شَكَرَ ﴿٣٥﴾

وَلَقَدْ أَنذَرَهُم بَطْشَتَنَا فَتَمَارَوْا بِالنُّذُرِ ﴿٣٦﴾

وَلَقَدْ رَاوَدُوهُ عَن ضَيْفِهِ فَطَمَسْنَا أَعْيُنَهُمْ فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٣٧﴾

وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣٨﴾

فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٣٩﴾

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٤٠﴾

"Kaum Lut telah mendustakan amaran-amaran (Nabinya)(33). Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut batu, kecuali keluarga Lut, Kami telah selamatkan mereka sebelum fajar menyingsing(34). Sebagai ni'mat dari Kami. Demikianlah balasan Kami kepada mereka yang bersyukur(35). Sesungguhnya Lut telah mengingatkan mereka tentang 'azab Kami, tetapi mereka telah mendustakan amaran-amaran itu(36). Sesungguhnya mereka telah memujuk Lut untuk mencabul tetamunya, lalu Kami butakan mata mereka. Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaranku (37). Dan sesungguhnya pada keesokan pagi mereka telah ditimpa 'azab yang tetap(38). Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaran-amaran-Ku(39). Sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(40).

Kisah kaum Lut telah disebut dengan terperinci di dalam surah-surah yang lain, dan tujuan disebutkannya dalam surah ini bukanlah untuk menghuraikan kisah itu, malah untuk diambil pengajaran dari akibat perbuatan mendustakan rasul dan pengajaran dari 'azab kebinasaan yang ditimpakan Allah. Kerana itu dalam surah ini kisah itu dimulai dengan menyebut perbuatan mereka yang mendustakan rasul:

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ بِالنُّذُرِ ﴿٣٣﴾

"Kaum Lut telah mendustakan amaran-amaran (Nabinya)."(33)

Dan setelah itu diikuti pula dengan cerita kebinasaan yang menimpa mereka:

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَّا آلَ لُوطٍ ۖ نَّجَّيْنَاهُم بِسَحَرٍ ﴿٣٤﴾

نِّعْمَةً مِّنْ عِندِنَا ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِي مَن شَكَرَ ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah melepaskan ke atas mereka ribut batu, kecuali keluarga Lut Kami telah selamatkan mereka sebelum fajar menyingsing(34). Sebagai ni'mat dari Kami. Demikianlah balasan Kami kepada mereka yang bersyukur."(35)

Malapetaka Yang Menimpa Kaum Lut Kerana Kejahatan Nafsu Homoseks

Maksud ribut batu ialah angin ribut yang membawa batu-batu yang amat dahsyat dan tiada yang selamat darinya "kecuali keluarga Lut - tidak termasuk isterinya -" Ini adalah satu ni'mat dari Allah dan balasan terhadap keimanan dan kesyukuran mereka:

كَذَٰلِكَ نَجْزِي مَن شَكَرَ ﴿٣٥﴾

"Demikianlah balasan Kami kepada mereka yang bersyukur."(35)

Iaitu Kami selamatkan mereka dari kebinasaan dan Kami limpahkan kurnia Kami ke atas mereka di tengah-tengah kebinasaan dan ketakutan itu.

Kini setelah Al-Qur'an mengemukakan kisah itu dari dua babaknya iaitu babak mendustakan rasul dan babak ditimpakan 'azab yang dahsyat, maka dia kembali pula menjelaskan apa yang telah berlaku di antara dua babak itu. Ini adalah salah satu cara Al-Qur'an membentangkan sesuatu kisah apabila ia hendak melahirkan saranan-saranan yang tertentu dari penceritaannya yang seperti itu. Penjelasan-penjelasan itu ialah:

وَلَقَدْ أَنذَرَهُم بَطْشَتَنَا فَتَمَارَوْا بِٱلنُّذُرِ ﴿٣٦﴾ وَلَقَدْ رَٰوَدُوهُ عَن ضَيْفِهِۦ فَطَمَسْنَآ أَعْيُنَهُمْ فَذُوقُوا عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿٣٧﴾ وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣٨﴾

"Sesungguhnya Lut telah mengingatkan mereka tentang 'azab Kami, tetapi mereka telah mendustakan amaran-amaran itu(36). Sesungguhnya mereka telah memujuk Lut untuk mencabul tetamunya, lalu Kami butakan mata mereka. Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaran-Ku(37). Dan sesungguhnya pada keesokan pagi mereka telah ditimpa 'azab yang tetap."(38)

Apabila Lut memberi amaran ke pada kaumnya terhadap akibat perbuatan mereka yang jahat dan ganjil (memuas nafsu dengan kaum sejenis), mereka mendustakan amaran-amaran itu dan meragui kebenarannya. Mereka berdebat dan berbantah dengan rasul mereka mengenai amaran-amaran itu. Kejahatan dan kebiadaban mereka telah sampai ke kemuncaknya apabila mereka memujuk Lut supaya menyerahkan para tetamunya iaitu malaikat-malaikat kepada mereka. Mereka menyangka malaikat-malaikat itu belia-belia tampan yang telah merangsangkan nafsu mereka yang ganjil dan kotor. Mereka cuba menyerbu Lut kerana mahu mencabul tetamu-tetamunya tanpa mempedulikan adab sopan dan tanpa silu-malu. Mereka tidak segan-segan hendak mencabul kehormatan Nabi mereka yang telah mengingatkan mereka akibat-akibat buruk dari keganjilan nafsu mereka yang aneh, kotor dan sakit itu.

Di waktu inilah qudrat Allah campurtangan dan para malaikat pun bergerak untuk melaksanakan perintah yang ditugaskan kepada mereka:

فَطَمَسْنَآ أَعْيُنَهُمْ

"Lalu Kami butakan mata mereka."(37)

Mereka tidak dapat melihat sesuatu apa pun dan siapa pun, mereka tidak dapat menyerbu Lut dan tidak pula dapat memegang tetamu-tetamunya. Di dalam ayat ini cerita mata mereka dibutakan telah diterangkan dengan jelas, sedangkan di dalam surah lain hanya menyebut:

قَالُوا يَٰلُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَن يَصِلُوٓا إِلَيْكَ

"Mereka (malaikat-malaikat) berkata: Wahai Lut! Kami adalah utusan Tuhanmu, mereka tidak akan sampai kepadamu."

(Surah Hud: 81)

Di dalam surah ini telah ditambah keterangan mengenai keadaan atau sebab yang menghalang mereka dari sampai kepada Lut, iaitu kerana mata mereka telah dibutakan Allah.

Ketika kisah itu diterangkan secara cerita, tiba-tiba kisah itu muncul seolah-olah sedang berlaku di hadapan mata dan tiba-tiba Allah tujukan firman-Nya kepada orang-orang yang ditimpakan 'azab yang dahsyat itu:

فَذُوقُوا عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿٣٧﴾

"Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaran-Ku."(37)

Inilah 'azab yang telah diperingatkan kepada kamu dan inilah amaran-amaran yang kamu dustakannya.

Peristiwa mata mereka menjadi buta telah berlaku di waktu petang, sementara menunggu waktu pagi yang telah ditentukan Allah untuk membinasakan seluruh mereka:

وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ ﴿٣٨﴾

"Dan sesungguhnya pada keesokan pagi mereka telah ditimpa 'azab yang tetap."(38)

Itulah 'azab yang telah disebut awal-awal lagi dalam cerita ini, iaitu 'azab ribut batu yang membersihkan bumi dari kekotoran dan kerosakan akhlak. Kemudian sekali lagi kisah itu berubah menjadi peristiwa yang sedang berlaku di hadapan mata, dan orang-orang yang terseksa di dalam 'azab itu telah diseru:

فَذُوقُوا عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿٣٩﴾

"Oleh itu, rasakanlah 'azab-Ku dan amaran-amaran-Ku."(39)

Kemudian diiringi dengan kesimpulan biasa selepas ditayangkan pemandangan yang dahsyat.

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا ٱلْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(40)

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)

Fir'aun Dan Kaumnya Ditimpa Berbagai-bagai 'Azab Malapetaka

Babak-babak cerita ini ditamatkan dengan satu babak kisah kebinasaan yang berlaku di luar Semenanjung Tanah Arab yang amat masyhur. Kisah itu diceritakan secara sepintas lalu sahaja:

وَلَقَدْ جَآءَ ءَالَ فِرْعَوْنَ ٱلنُّذُرُ ﴿٤١﴾

كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا كُلِّهَا فَأَخَذْنَٰهُمْ أَخْذَ عَزِيزٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya kaum Fir'aun telah didatangi rasul-rasul yang memberi amaran(41). Mereka telah mendustakan semua ayat-ayat Kami, lalu Kami 'azabkan mereka dengan 'azab dari Yang Maha Perkasa dan Maha Berkuasa."(42)

Demikianlah kisah Fir'aun dan kaumnya diceritakan dengan ringkas di dalam dua babaknya iaitu babak kedatangan Musa a.s. mengingatkan kaum Fir'aun dan pendustaan mereka terhadap bukti-bukti mu'jizat yang telah dibawa Musa a.s., dan babak mereka ditimpakan 'azab oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Berkuasa. Sebutan sifat Maha Perkasa dan Maha Berkuasa memantulkan bayangan betapa dahsyatnya 'azab Allah menimpa mereka. Dan sebutan itu seolah-olah menyindir keperkasaan dan kekuasaan Fir'aun yang telah melakukan tindakan-tindakan yang zalim, kerana keperkasaan yang palsu itu telah musnah dan kekuasaan yang tidak sebenar itu telah gugur. Allah telah membalas Fir'aun dan kaumnya dengan balasan yang amat dahsyat iaitu 'azab Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Berkuasa. Mereka ditimpakan Allah 'azab yang amat dahsyat sesuai dengan tindak-tanduk mereka yang zalim dan sewenang-wenang.

Dan di atas babak yang akhir ini, yang menayangkan kebinasaan Fir'aun yang gagah kuasa itu, maka tabir pun dilabuhkan kembali.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 53)

Kini setelah tabir dilabuhkan menutup pemandangan yang terakhir dari pemandangan-pemandangan 'azab kebinasaan yang disaksikan oleh sekalian pendusta, kini gambaran-gambaran 'azab kebinasaan yang bersambung-sambung itu tersergam di dalam imaginasi mereka dan kesan-kesannya menekan hati mereka, kini Al-Qur'an menujukan firman Allah kepada mereka untuk mengingatkan mereka terhadap akibat kebinasaan yang seperti ini dan terhadap 'azab Neraka yang lebih dahsyat:

أَكُفَّارُكُمْ خَيْرٌ مِّنْ أُو۟لَٰٓئِكُمْ أَمْ لَكُم بَرَآءَةٌ فِى ٱلزُّبُرِ ﴿٤٣﴾

أَمْ يَقُولُونَ نَحْنُ جَمِيعٌ مُّنتَصِرٌ ﴿٤٤﴾

سَيُهْزَمُ ٱلْجَمْعُ وَيُوَلُّونَ ٱلدُّبُرَ ﴿٤٥﴾

بَلِ ٱلسَّاعَةُ مَوْعِدُهُمْ وَٱلسَّاعَةُ أَدْهَىٰ وَأَمَرُّ ﴿٤٦﴾

إِنَّ ٱلْمُجْرِمِينَ فِى ضَلَٰلٍ وَسُعُرٍ ﴿٤٧﴾

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِى ٱلنَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُوقُوا۟ مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٨﴾

إِنَّا كُلَّ شَىْءٍ خَلَقْنَٰهُ بِقَدَرٍ ﴿٤٩﴾

وَمَآ أَمْرُنَآ إِلَّا وَٰحِدَةٌ كَلَمْحٍۭ بِٱلْبَصَرِ ﴿٥٠﴾

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَآ أَشْيَاعَكُمْ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٥١﴾

وَكُلُّ شَىْءٍ فَعَلُوهُ فِى ٱلزُّبُرِ ﴿٥٢﴾

"Apakah orang-orang kafir kamu (wahai kaum Musyrikin Makkah) lebih baik dari mereka? Atau apakah kamu mempunyai jaminan kebebasan dari 'azab di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu?(43). Atau apakah mereka mengatakan: Kami adalah kumpulan yang bersatupadu dan tetap mendapat kemenangan(44). Kumpulan yang bersatupadu itu akan ditewaskan dan mereka akan berundur lari(45). Sebenarnya hari Qiamat itulah hari perjanjian dengan mereka, dan hari Qiamat itu adalah lebih dahsyat dan lebih pahit(46). Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala(47). Pada hari mereka diheret di atas muka mereka ke dalam Neraka. Rasakanlah sentuhan api Neraka(48). Sesungguhnya Kami telah menciptakan segala sesuatu mengikut perencanaan yang rapi(49). Urusan penciptaan Kami hanya dengan sepatah perintah dan sekelip mata sahaja (50). Sesungguhnya Kami telah membinasakan orang-orang yang seperti kamu. Apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(51). Dan segala sesuatu yang dilakukan mereka adalah tercatat di dalam buku-buku amalan."(52)

Amaran 'Azab Dunia Dan 'Azab Akhirat

Itulah amaran 'azab dunia dan 'azab Akhirat. Dan amaran itu menggugurkan segala kekeliruan dan keraguan terhadap kebenarannya dan menutup segala lubang dan segala angan-angan untuk mengelakkan diri dari 'azab itu atau untuk memutar-belitkan hisab amalan dan melarikan diri dari balasan.

Itulah akibat kebinasaan yang diterima oleh umat-umat yang mendustakan rasul. Dan bagi kamu pula apakah perisai yang dapat menghalangkan kamu dari menerima akibat yang seperti ini? Apakah

keistimewaan orang-orang kafir kamu yang mengatasi orang-orang kafir mereka?

Apakah kamu mendapat jaminan yang tertulis di dalam kitab-kitab suci yang diturunkan Allah bahawa kamu akan dimaafkan dari kesalahan mengingkar dan mendustakan rasul? Semuanya itu tidak ada. Kamu sebenarnya bukanlah lebih baik dari mereka dan kamu tidak mempunyai jaminan keselamatan dari 'azab yang tercatat di dalam kitab-kitab suci yang diturunkan Allah. Tidak ada pilihan yang lain lagi melainkan menerima akibat yang telah diterima oleh orang-orang kafir sebelum kamu dalam bentuk yang ditetapkan Allah.

Kemudian Al-Qur'an beralih dari berbicara dengan mereka kepada berbicara dengan semua orang dengan melahirkan ta'jub terhadap sikap mereka:

أَمْ يَقُولُونَ نَحْنُ جَمِيعٌ مُّنتَصِرٌ ﴿٤٤﴾

"Atau apakah mereka mengatakan: Kami adalah kumpulan yang bersatupadu dan tetap mendapat kemenangan."(44)

Mereka mengucapkan kata-kata ini setelah mereka melihat perpaduan dan kekuatan mereka. Kerana terpesona dengan perpaduan mereka yang kuat inilah mereka berkata: "Kami akan menang, tiada siapa yang dapat menewas dan mengalahkan kami".

Di sini Al-Qur'an membuat satu pengumuman yang bergema dan tegas:

سَيُهْزَمُ الْجَمْعُ وَيُوَلُّونَ الدُّبُرَ ﴿٤٥﴾

"Kumpulan yang bersatupadu itu akan ditewaskan dan mereka akan berundur lari."(45)

Maksudnya, perpaduan dan kekuatan mereka tidak dapat melindung dan menolong mereka. Inilah keputusan yang telah diumumkan Allah Yang Maha Gagah Perkasa dan keputusan itu telah pun berlaku dan akan tetap berlaku lagi.

Ujar al-Bukhari dengan sanadnya kepada Ibn 'Abbas: Bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda ketika beliau berada di dalam sebuah khemah pada hari Peperangan Badar:

أنشدك عهدك ووعدك اللهم إن شئت لم تعبد بعد اليوم في الأرض أبداً

"Hamba pohon janji-Mu, ya Tuhanku, jika Engkau kehendaki Engkau tidak lagi disembah di bumi selepas hari ini selama-lamanya."

Lalu Abu Bakr r.a. pun memegang tangan beliau dan berkata: "Cukuplah, wahai Rasulullah! Anda telah menggesakan permohonan kepada Allah." Lalu beliau pun keluar lengkap dengan baju besi dan berkata:

سَيُهْزَمُ الْجَمْعُ وَيُوَلُّونَ الدُّبُرَ ﴿٤٥﴾

"Kumpulan yang bersatupadu itu akan ditewaskan dan mereka akan berundur lari."(45)

Dalam satu riwayat Abu Hatim dengan sanadnya kepada 'Ikrimah katanya: Apabila turun ayat (ayat 45 ini) 'Umar pun bertanya: "Kumpulan yang bersatupadu yang mana yang dikalahkan itu? Yakni kumpulan mana yang telah ditewaskan itu?" Kata 'Umar: "Pada hari Peperangan Badar, aku lihat Rasulullah s.a.w. memakai baju besi dan membaca ayat ini (ayat 45), maka pada hari itu barulah aku tahu maksud ayat ini."

Ini adalah satu kekalahan di dunia, tetapi ia bukanlah satu kekalahan yang terakhir dan bukanlah satu kekalahan yang paling dahsyat:

بَلِ السَّاعَةُ مَوْعِدُهُمْ وَالسَّاعَةُ أَدْهَىٰ وَأَمَرُّ ﴿٤٦﴾

"Sebenarnya hari Qiamat itulah hari perjanjian dengan mereka, dan hari Qiamat itu adalah lebih dahsyat dan lebih pahit."(46)

Maksudnya, Qiamat itu lebih dahsyat dan lebih pahit dari segala 'azab yang dilihat mereka di dunia ini, lebih dahsyat dan lebih pahit dari pemandangan 'azab iaitu pemandangan 'azab banjir besar dan ribut yang kencang, pemandangan petir dan ribut batu, pemandangan 'azab Allah Yang Maha Perkasa yang menimpa Fir'aun dan kaumnya yang telah dicatatkan sebelum ini.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan bagaimana Qiamat itu lebih dahsyat dan lebih pahit dengan menayangkan satu pemandangan yang dahsyat dari pemandangan-pemandangan Qiamat:

إِنَّ الْمُجْرِمِينَ فِي ضَلَالٍ وَسُعُرٍ ﴿٤٧﴾

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِي النَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُوقُوا مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa itu berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala(47). Pada hari mereka diheret di atas muka mereka ke dalam Neraka. Rasakanlah sentuhan api Neraka."(48)

Maksudnya, mereka berada di dalam kesesatan yang menyeksakan akal dan jiwa mereka. Dan mereka berada dalam jilatan api-api Neraka yang membakar kulit dan tubuh badan mereka, sesuai dengan perkataan yang diucapkan mereka dan orang-orang yang seperti mereka sebelum ini.

فَقَالُوا أَبَشَرًا مِّنَّا وَاحِدًا نَّتَّبِعُهُ إِنَّا إِذًا لَّفِي ضَلَالٍ وَسُعُرٍ ﴿٢٤﴾

"Lalu mereka berkata: Apakah wajar bagi kita mengikut seorang manusia yang sejenis dengan kita? Sesungguhnya kita berada di dalam kesesatan dan dalam api-api yang bernyala-nyala."(24)

Maksudnya, supaya dengan 'azab itu mereka mengetahui di manakah api-api Neraka itu, mereka diheret di atas muka mereka ke dalam Neraka dengan keras dan penuh penghinaan sesuai dengan sikap mereka yang berbangga-bangga dengan kekuatan dan berlagak sombong, kemudian 'azab yang

dirasakan mereka itu ditambahkan pula dengan penyeksaan jiwa:

"Rasakanlah sentuhan api Neraka."(48)

Hakikat Taqdir Dan Tadbir Allah

Di bawah bayangan pemandangan yang ngeri dan menakutkan ini Al-Qur'an menerangkan kepada seluruh manusia terutama kaum Musyrikin Makkah untuk menanamkan di dalam hati mereka hakikat taqdir, hikmat kebijaksanaan dan tadbir Allah bahawa 'azab di dunia dan 'azab di Akhirat, juga segala risalah dan segala kitab suci yang diturun iaitu Al-Qur'an dan kitab-kitab yang lain, segala penciptaan Allah, segala makhluk yang wujud dan segala pengurusan terhadap alam al-wujud ini baik kecil atau pun besar, adalah diciptakan dengan perencanaan yang rapi dan diuruskan dengan tujuan-tujuan yang tertentu serta ditadbirkan dengan penuh kebijaksanaan. Tiada sesuatu yang diciptakan secara sembarangan, tiada sesuatu yang diciptakan secara main-mainan yang kosong dan tiada sesuatu yang diciptakan secara kebetulan atau secara apa jadi sahaja tanpa perencanaan:

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan segala sesuatu mengikut perencanaan yang rapi."(49)

Maksudnya, segala sesuatu, iaitu segala yang kecil dan segala yang besar, segala yang bercakap, segala yang bergerak, segala yang diam, segala yang berlalu dan segala yang ada, segala yang maklum dan segala yang majhul... segala-galanya Kami ciptakannya dengan perencanaan yang rapi, yang menentukan hakikat dan sifat masing-masing, yang menentukan kadar masing-masing, menentukan waktu dan tempat masing-masing, menentukan hubungan-hubungannya dengan segala sesuatu yang lain yang ada di sekelilingnya dan menentukan kesan-kesannya di dalam alam buana ini.

Ayat yang pendek ini menunjukkan kepada satu hakikat dan syumul, dan kebenarannya dibuktikan seluruh alam buana ini, iaitu satu hakikat yang dapat difahami seseorang secara keseluruhan ketika berdepan dengan alam buana ini, satu hakikat yang membuat seseorang itu merasa bahawa seluruh alam ini adalah diciptakan dengan ciptaan yang amat rapi, halus dan imbang. Segala sesuatu di alam ini diatur dengan perencanaan yang mewujudkan keserasian dan keseimbangan yang sempurna, di mana bayangannya secara keseluruhan tersemat dalam hatinya ketika menghadapi alam buana.

Usaha-usaha penyelidikan, penelitian dan ujian manusia telah pun menyampaikan mereka kepada memahami hakikat perencanaan yang rapi itu sekadar yang dapat dicapai dengan sarana-sarana ini, sekadar yang dimampukan daya pemikiran mereka dan sekadar yang dapat diketahui mereka melalui jalan ini, tetapi di sebalik pemahaman yang sekadar itu selama-lamanya terdapat pemahaman-pemahaman yang lebih besar dan lebih sempurna yang dapat difahamkan oleh fitrah dan tersemat dalam hati mereka kerana dipengaruhi irama alam buana yang serasi dan seimbang, di samping itu fitrah manusia itu sendiri merupakan sebahagian dari alam buana yang begitu seimbang kejadiannya, di mana segala-galanya diciptakan dengan perencanaan yang rapi.

Ilmu pengetahuan moden manusia telah pun sampai ke hujung-hujung hakikat ini sekadar yang dapat dicapainya dengan alat-alat penyelidikan mereka. Ia telah sampai kepada tahap memahami keseimbangan di antara jarak-jarak jauh bintang-bintang dan planet-planet termasuk saiz jirim-jirimnya dan daya tarikannya yang menarik satu sama lain sehingga mereka dapat menentukan kedudukan planet-planet yang belum lagi dilihat oleh mereka, kerana undang-undang keseimbangan menentukan adanya planet-planet itu di tempat-tempat yang ditentukan mereka, dan wujudnya planet-planet itu di tempat-tempat itu mentafsirkan gejala-gejala yang tertentu dalam pergerakan planet-planet yang diteropong mereka, kemudian apa yang diandaikan mereka itu memang didapati ada. Ini menunjukkan betapa halus dan rapinya taburan bintang-bintang dan planet-planet itu di angkasa raya yang luas saujana. Ia boleh didapati dengan perantaraan nisbah-nisbah yang tertentu yang tidak pernah mungkir atau kacau.

Ilmu pengetahuan manusia yang moden itu juga telah sampai kepada tahap memahami keseimbangan pada kedudukan bumi tempat kita hidup ini hingga ia benar-benar layak untuk menampung makhluk-makhluk yang bernyawa yang ditentukan Allah di bumi ini. Sebarang andaian berlakunya sesuatu kekacauan pada mana-mana nisbahnya akan memusnah seluruh makhluk yang bernyawa atau tidak memungkinkan makhluk-makhluk yang bernyawa itu hidup di bumi ini. Misalnya ukuran bumi, isipadunya, jarak jauhnya dari matahari, isipadu matahari dan darjah kepanasannya, kecondongan bumi di atas paksinya dengan kadar yang wujud ini, dan kecepatan peredarannya di sekeliling dirinya sendiri dan di sekeliling matahari, jarak jauh bulan dari bumi, ukurannya dan isipadunya, pengagihan bahagian-bahagian air dan daratan di bumi dan sebagainya dari ribuan nisbah-nisbah yang diatur dengan perencanaan yang rapi... andainya berlaku sesuatu kekacauan pada mana-mana nisbah itu, nescaya segala-galanya akan berubah dan nescaya tamatlah riwayat makhluk yang bernyawa di bumi ini.

Ilmu pengetahuan manusia yang moden itu juga telah sampai ke tahap memahami keseimbangan di antara sebilangan besar pengawal-pengawal yang mengawal makhluk-makhluk hidup dan memperseimbangkan di antara makhluk-makhluk itu dengan suasana-suasana yang melingkunginya, juga

memperseimbangkan di antara setengah dengan setengahnya hingga ke tahap yang dapat mengemukakan suatu gagasan terhadap hakikat mendalam dan agung ini, yang diisyaratkan oleh ayat ini. Nisbah di antara faktor-faktor hidup dan faktor-faktor maut dan musnah di alam sekitar dan di dalam tabi'at makhluk-makhluk yang bernyawa sentiasa dipelihara dan dikawal dengan perencanaan yang rapi yang membolehkan makhluk-makhluk yang bernyawa itu wujud, hidup dan berlanjutan dan dalam waktu yang sama juga ia membataskan perkembangannya supaya tidak melampaui had yang di luar kemampuan keadaan-keadaan yang disediakan untuk menampung dan menyarakan makhluk-makhluk yang bernyawa.

Mungkin berguna andainya kita terangkan secara sepintas lalu satu contoh imbangan dalam hubungan di antara setengah-setengah makhluk yang bernyawa dengan setengah-setengahnya yang lain, kerana kami telah pun menjelaskan dengan agak panjang lebar di dalam surah-surah yang lain tentang keseimbangan yang wujud dalam susunan kejadian alam buana dan keadaan-keadaan di bumi.[3]

"Burung-burung buas yang memakan anak-anak burung itu amat sedikit bilangannya kerana telurnya sedikit dan penetasannya juga sedikit, dan di samping itu ia hanya hidup di tempat-tempat yang tertentu dan terbatas sahaja. Sesuai dengan keadaan ini, burung-burung buas itu hidup dengan umur yang lanjut. Tetapi jika di samping umurnya yang lanjut itu ia pula mempunyai anak-anak yang banyak dan dapat pula hidup di semua tempat tentulah ia akan membunuh anak-anak burung yang lain dan memupuskannya walau bagaimana banyak sekalipun anak-anak burung itu, atau ia akan mengurangkan bilangan anak-anak burung itu yang perlu untuk memenuhi bekalan makanan bagi burung-burung buas ini sendiri dan bagi manusia, juga perlu untuk melaksanakan tugas-tugasnya yang lain yang begitu banyak di bumi ini. Kata sebuah sajak Arab.

بغاث الطير أكثرها فراخا * وأم الصقر مِقلاتٌ نَزور

Burung kecil banyak anaknya
Ibu helang sedikit anaknya

"Ini adalah sesuai dengan hikmat yang telah diaturkan Allah sebagaimana yang kita telah lihat agar wujudnya imbangan di antara faktor-faktor hidup dan faktor-faktor pupus di antara burung-burung buas dengan burung-burung kecil.

"Seekor lalat mengeluarkan berjuta-juta biji telur tetapi ia hanya hidup selama dua minggu sahaja dan andainya ia dapat hidup selama beberapa tahun dan mengeluarkan telur sebanyak itu tentulah muka bumi ini akan dipenuhi dengan lalat dan tentulah makhluk-makhluk bernyawa yang lain terutama manusia tidak mungkin hidup lagi di bumi ini. Tetapi roda imbangan tidak pernah mungkir. Ia terkawal di tangan qudrat Ilahi yang mentadbirkan alam buana ini. Ia mengimbangkan di antara banyak anak dengan pendek umur dan hasilnya terlaksanalah imbangan yang telah dilihat kita itu.

"Kuman-kuman - iaitu makhluk bernyawa yang paling banyak bilangannya, paling cepat pembiakannya dan paling ganas tabi'atnya - adalah juga makhluk bernyawa yang paling lemah dan paling pendek umurnya. Ia mati dengan jumlah jutaan kerana dilanda sejuk dan panas kerana disorot cahaya matahari, juga kerana dibunuh asid-asid, suntikan-suntikan darah dan berbagai-bagai faktor yang lain. Ia hanya dapat menguasai sebilangan haiwan dan manusia yang terbatas sahaja. Andainya kuman-kuman itu mempunyai daya ketahanan yang kuat atau panjang umurnya tentulah ia akan membinasakan seluruh hidup dari seluruh makhluk yang bernyawa.

"Setiap makhluk yang bernyawa dilengkapkan dengan senjata masing-masing untuk melindungi dirinya dari serangan musuh-musuhnya dan untuk mengatasi ancaman-ancaman kepupusan. Senjata-senjata itu berbeza-beza dan berbagai-bagai jenis pula. Banyak bilangan juga merupakan suatu senjata. Kekuatan mengganas merupakan satu senjata yang lain pula dan kedua-duanya mempunyai berbagai-bagai rupa bentuk.

"Ular-ular kecil dilengkapkan dengan senjata racun bisa atau dengan kecepatan melarikan diri dari musuh-musuhnya, sedangkan ular-ular besar pula dilengkapkan dengan senjata kekuatan otot-otot. Kerana itu ular-ular jenis ini jarang mempunyai racun yang bisa.

"Kumbang serangga yang mempunyai sedikit daya ikhtiar itu dilengkapkan dengan sejenis bahan yang mengeluarkan bau yang busuk, yang akan dilepaskan kepada siapa sahaja yang menyentuhnya untuk melindungkan dirinya dari musuh-musuh.

"Kijang dilengkapkan dengan senjata kekuatan berlari dan melompat sedangkan singa dilengkapkan dengan kekuatan menyerang dan mengganas."

"Demikianlah setiap makhluk yang bernyawa sama ada kecil atau besar adalah dilengkapkan dengan senjata-senjata masing-masing."

"Begitu juga setiap makhluk yang bernyawa itu dilengkapkan dengan sifat-sifat dan cara masing-masing untuk mendapatkan makanannya mulai dari manusia, haiwan, burung hingga kepada serendah-rendah binatang yang bernyawa."

"Telur perempuan (ovum) selepas bersenyawa dengan haiwan mani (sperma) akan melekat pada dinding rahim. Ia dilengkapkan dengan sifat pemakan. Ia akan mengoyakkan dinding-dinding rahim di sekelilingnya dan mengubahkannya menjadi sekolam darah yang sesuai untuk disedut olehnya dan untuk menyuburkannya. Tali pusat yang menghubungkan janin dengan ibunya untuk mendapatkan makanan darinya hingga selesai bersalin adalah diciptakan dengan bentuk yang

[3] *Lihat tafsir Surah al-Furqan.*

sesuai dengan tujuan itu. Tali pusat itu tidak dijadikan panjang hingga boleh menyebabkan makanan menjadi masam di dalamnya dan tidak pula dijadikan pendek hingga menyebabkan makanan itu begitu cepat mencurah ke dalamnya dan ini mungkin mendatangkan bahaya kepada janin itu."[4]

"Tetek perempuan mengeluarkan cecair putih kekuningan di akhir tempoh mengandung dan di permulaan hendak bersalin. Di antara keanehan ciptaan Allah ialah cecair ini merupakan bahan-bahan kimia yang melarut yang dapat melindungkan bayi dari jangkitan penyakit-penyakit, dan selepas hari bersalin air susu pun mulai menjadi. Di antara perencanaan Allah Yang Maha Besar ialah kadar air susu yang dikeluarkan oleh tetek itu semakin hari semakin bertambah banyak hingga sampai kepada kira-kira satu liter setengah sehari selepas setahun, sedangkan kadarnya pada hari-hari pertama selepas bersalin tidak lebih dari beberapa aun sahaja. Yang mengkagumkan kita bukannya setakat kadar air susu yang semakin bertambah banyak apabila bayi itu semakin bertambah subur dan besar, malah kandungan dan bahan-bahan air susu itu sendiri turut berubah dan memekat. Mula-mula air susu itu hanya mengandungi sedikit zat kanji dan gula, kemudian kandungan air susu itu semakin memekat dan nisbah zat kanji, gula dan lemak bertambah dari satu masa ke satu masa, malah dari sehari ke sehari dengan kadar pertambahan yang sesuai dengan kesuburan tisu-tisu dan anggota-anggota peralatan bayi yang terus subur itu.[5]

"Usaha menyelidiki berbagai-bagai bahagian peralatan dalam tubuh badan manusia dan tugas-tugasnya, cara-cara kerjanya dan peranan-peranannya masing-masing dalam menjaga kehidupan dan kesihatan manusia akan mendedahkan berbagai-bagai keanehan yang mengkagumkan, dan menunjukkan betapa halus dan sempurnanya taqdir dan tadbir Allah. Ia memperlihatkan kepada kita bagaimana qudrat Allah mentadbir setiap individu manusia, malah mentadbirkan setiap anggotanya dan setiap sel dari sel-selnya, dan bagaimana pengawasan penglihatan Allah menjaga dan memeliharanya. Oleh kerana di sini kita tidak dapat menghuraikan keanehan-keanehan ciptaan Ilahi itu dengan terperinci, maka cukuplah kita terangkan secara sepintas lalu sahaja untuk menunjukkan bagaimana halusnya perencanaan Ilahi mengatur dan menyusun salah satu dari bahagian-bahagian peralatan tubuh badan manusia itu, iaitu bahagian sistem kelenjar atau kilang indokrina (Endocrine glands) iaitu kilang-kilang kimia yang kecil yang membekalkan campuran-campuran kimia yang perlu kepada tubuh badan manusia. Kilang-kilang itu mempunyai kekuatan yang begitu besar sehingga satu per seribu bilion darinya boleh menimbulkan kesan-kesan yang penting di dalam tubuh badan manusia. Kilang-kilang itu disusun begitu rapi, iaitu pengeluaran setiap kelenjar menyempurnakan pengeluaran kelenjar-kelenjar yang lain. Segala apa yang diketahui mengenai pengeluaranpengeluaran dari kelenjar-kelenjar ini ialah campuran-campurannya amat canggih dan aneh dan sebarang kemungkiran atau kemerosotan pengeluaran-pengeluarannya boleh menyebabkan kerosakan umum yang besar kepada tubuh badan walaupun kemungkiran itu hanya berlaku dalam tempoh yang pendek sahaja.[6]

Bahagian-bahagian peralatan pada haiwan pula berbeza-beza menurut kelainan jenis-jenisnya, alam-alam sekitarnya dan suasana-suasana hidupnya.

"Mulut-mulut singa, harimau, serigala dan segala binatang buas di padang gurun yang hidup dengan menyerang mangsa-mangsanya dilengkapkan dengan taring-taring dan gigi-gigi yang tajam serta gusi-gusi yang keras. Oleh kerana tindakan menyerang mangsa-mangsanya itu memerlukan kepada penggunaan otot-otot yang kuat, maka kaki-kaki haiwan ini dilengkapkan dengan otot-otot yang gagah dan dipersenjatakan dengan kuku yang tajam. Dan ma'idahnya pula diisi dengan asid dan enzim-enzim yang boleh mencernakan daging dan tulang temulang (yang dimakannya)."[7]

Binatang-binatang ternakan yang memamah biak yang hidup memakan rumput, diperlengkapkan dengan peralatan-peralatan yang berlainan pula.

"Alat-alat pencernaan binatang-binatang ini diciptakan sesuai dengan alam hidupnya. Mulut-mulutnya agak luas dan tidak mempunyai taring-taring yang kuat dan gusi-gusi yang keras. Sebagai gantinya terdapat gigi-gigi yang tajam. Ia memakan rumput-rumput dan tumbuhan-tumbuhan dengan cepat dan menelannya sekaligus sahaja. Ini membolehkannya untuk melaksanakan khidmat-khidmat kepada manusia yang ditentukan kepadanya. Qudrat Ilahi telah mengadakan untuk binatang-binatang ini alat pencernaan makanan yang paling aneh. Segala makanan yang dimakannya akan turun ke dalam perut sebagai tempat simpanannya. Apabila kerja-kerja sehariannya selesai dan ia duduk berehat, maka makanan di dalam perut itu akan dikeluarkannya semula untuk dimamahkan sekali lagi dengan lumatnya, kemudian dimasukkannya pula ke dalam bahagian-bahagian perut yang lain. Proses pencernaan makanan yang mengambil masa yang panjang ini memang diatur sedemikian rupa untuk memelihara keselamatan binatang-binatang itu, kerana ia seringkali menjadi sasaran serangan binatang-binatang buas di padang-padang rumput. Oleh itu ia perlu mendapatkan

---

[4] *Di petik dari* الله والعلم الحديث *oleh Ustaz Abdul Razzaq Naufal, m.s. 46 - 47.*

[5] *Sumber yang sama, m.s 47 - 48.*

[6] *Sumber yang sama, m.s. 51 - 52.*

[7] *Sumber yang sama, m.s. 71 - 72.*

makanannya dengan segera dan kemudian menghilangkan diri. Menurut kajian ilmiyah, proses memamah biak itu merupakan satu proses yang perlu dan asasi kerana rumput-rumput adalah dari tumbuhan-tumbuhan yang sukar dihadamkan kerana ia mengandungi sejenis sabut yang membalut semua sel-sel tumbuh-tumbuhan, dan untuk menghancurkan sabut ini ia memerlukan kepada waktu yang lama. Tanpa proses memamah biak ini, sudah tentu binatang-binatang itu memerlukan masa yang sangat panjang yang hampir-hampir sehari suntuk berada di padang-padang rumput. Dan itu pun belum lagi cukup untuk mendapatkan makanan yang diperlukannya, dan sudah tentu otot-ototnya akan letih lesu dalam kerja-kerja memakan dan memamah itu sahaja. Tetapi dengan memakan cepat dan menyimpan dalam perut kemudian mengeluarkannya semula setelah makanan itu diperam dan mula berbuih dalam perut untuk dimamah, dihancur dan ditelan sekali lagi dapat menyempurnakan segala tujuan binatang itu iaitu bekerja mencari makanan dan mencernakannya dengan baik. Maha Sucilah Allah Pentadbir Yang Maha Agung."[8]

"Burung-burung buas seperti burung hantu dan helang yang mempunyai paruh melengkung dan tajam seperti pengait itu adalah diciptakan untuk mengoyak daging-daging, sedangkan serati dan itik dilengkapkan dengan paruh yang lebar seperti senduk sesuai untuk mencari makan di dalam tanah dan air, dan di tepi-tepi paruh itu dilengkapkan dengan bontot-bontot kecil seperti gigi untuk menolongnya memotong rumput-rampai.

"Ayam, merpati dan burung-burung yang lain yang memagut biji-bijian di atas tanah adalah dilengkapkan dengan paruh-paruh yang pendek dan tajam untuk melaksanakan tujuan itu. Sedangkan paruh burung udang kelihatan begitu panjang sekali dan di bawahnya terdapat sebuah pundi-pundi atau uncang untuk digunakan sebagai pukat nelayan kerana ikan merupakan makanan asasi kepada burung udang.

"Paruh burung belatuk dan sebagainya adalah panjang. Ia dilengkapkan dengan paruh yang seperti itu untuk membolehkannya memagut serangga-serangga dan ulat-ulat yang biasanya hidup di bawah permukaan bumi. Menurut kajian ilmiyah seseorang itu dapat mengenal makanan mana-mana burung dengan hanya memandang seimbas kepada paruhnya sahaja.

"Alat-alat pencernaan makanan yang lain bagi burung-burung itu amatlah aneh dan mena'jubkan. Oleh kerana burung-burung itu tidak dilengkapkan dengan gigi-gigi, maka untuknya telah diciptakan tembolok dan tangki penghadam (pedal) yang mencernakan makanan-makanan burung memagut bahan-bahan yang keras dan anak-anak batu untuk menolong tangki penghadam itu menghancurkan makanan."[9]

Tentulah pembicaraan ini akan menjadi panjang dan terkeluar dari methodologi tafsir ini jika kita terus membicarakan jenis-jenis makhluk yang bernyawa dengan perincian seperti ini. Oleh sebab itu eloklah kita teruskan sahaja membicarakan tentang amiba sejenis hidupan air yang bersel satu untuk melihat bagaimana Allah memperlakukan qudrat dan pemeliharaan-Nya kepada hidup-hidupan ini dan mengaturkan perencanaan-Nya yang rapi.

"Amoeba ialah sejenis hidupan yang amat seni. Ia hidup di dalam kolam-kolam dan paya-paya atau di atas batu-batu di dasar air. Ia tidak boleh dilihat melainkan dengan pertolongan teropong mikroskop. Badannya seperti jeli yang berubah-ubah bentuk rupanya mengikut perubahan suasana-suasana dan keperluan-keperluan. Apabila ia bergerak ia menolak dengan beberapa bahagian anggota lebihan atau silia pada tubuhnya yang digunakannya sebagai kaki untuk menuju ke tempat yang dikehendakinya. Oleh sebab inilah anggota-anggota silia itu dinamakan sebagai kaki palsu. Apabila ia mendapat makanan ia akan memegangnya dengan satu atau dua anggota silia itu dan mencurahkan ke atasnya cecair penghadam dan menyedut darinya apa yang boleh menjadi makanan yang berguna kepadanya dan yang bakinya akan ditolak keluar dari tubuhnya. Ia bernafas dengan keseluruhan tubuhnya iaitu dengan menyedut oksigen dari air. Lihatlah kepada hidupan yang amat seni ini, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Ia hidup dan bergerak, mencari makanan dan bernafas dan membuang lebihan-lebihannya. Dan apabila ia subur dengan sempurna ia akan terbahagi kepada dua bahagian supaya tiap-tiap bahagian itu menjadi satu hidupan yang baru pula.

"Keajaiban-keajaiban hayat yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan tidak kurang mengkagumkan dari keajaiban-keajaiban hayat yang wujud pada manusia, haiwan dan burung-burung. Perencanaan Ilahi yang rapi pada tumbuh-tumbuhan itu tidak kurang pula ketaranya dari perencanaan Ilahi yang rapi yang ketara pada binatang-binatang yang bernyawa itu.

"Dia telah menciptakan segala sesuatu dan menentukan perencanaan-Nya dengan rapi."[10]

(Surah al-Furqan: 2)

******

Tetapi hakikat taqdir dan tadbir Ilahi itu adalah lebih besar dan lebih meliputi dari semuanya ini, kerana seluruh harakat alam buana ini dengan segala peristiwa-peristiwa dan gelombang-gelombangnya

---

[8] *Sumber yang sama, m.s. 72 - 73.*

[9] *Sumber yang sama.*

[10] *Sumber yang sama.*

dari sekecil-kecil hingga sebesar-besarnya adalah diatur dan disusun dengan taqdir dan tadbir Ilahi yang rapi. Setiap harakat di dalam sejarah sama dengan setiap emosi pada individu manusia, sama dengan setiap nafas yang keluar dari dada. Nafas ini telah diatur mengikut masa dan tempatnya dan mengikut segala suasananya dan ia mempunyai pertalian dengan peraturan alam dan harakatnya dan seterusnya ia diambil kira dalam rangka keseimbangan alam buana sama seperti peristiwa-peristiwa yang besar.

Rumput liar yang tumbuh sendirian di padang pasir juga tegak di sana dengan perencanaan Ilahi yang rapi, di mana ia melaksanakan tugasnya yang ada hubungan dengan alam buana ini. Demikianlah juga seekor semut yang berjalan ini dan sebiji debu yang terbang ini dan satu sel yang berenang di dalam air ini adalah sama dengan bintang-bintang dan planet-planet yang besar di angkasa.

Perencanaan Ilahi yang rapi itu terdapat pada penentuan waktu, penentuan tempat, penentuan kadar, penentuan bentuk rupa yang serasi dan seimbang dengan sempurnanya dalam segala keadaan dan suasana. Siapakah yang teringat misalnya bahawa perkahwinan Nabi Ya'kub a.s. dengan seorang perempuan yang lain iaitu ibu Nabi Yusuf a.s. dan saudaranya Bunyamin itu bukanlah suatu peristiwa peribadi, malah peristiwa itu telah diatur dengan taqdir Ilahi yang rapi supaya saudara-saudara Yusuf yang lain yang tidak seibu dengannya itu menaruh hasad dengki kepada beliau dan membuangkannya ke dalam sebuah telaga. Mereka tidak membunuh beliau supaya beliau dapat dipungut oleh pengembara-pengembara dan menjualkannya di Mesir, supaya beliau dapat dipelihara di dalam istana pembesar Mesir, supaya beliau dicintai oleh isteri pembesar itu, supaya beliau dapat mengatasi nafsu keinginannya, supaya beliau disumbatkan ke dalam penjara... Mengapa? Supaya beliau bertemu di dalam penjara itu dua orang pelayan raja, supaya beliau dapat menta'birkan mimpi mereka berdua... Mengapa? Sampai di sini tidak terdapat jawapan dan orang ramai pun tertanya-tanya mengapa? Mengapa, ya Tuhanku, Yusuf a.s. menerima keseksaan itu? Mengapa Nabi Ya'kub a.s. juga turut terseksa? Mengapa Nabi Ya'kub a.s. itu hilang penglihatannya kerana terlalu dukacita? Mengapa Yusuf a.s. yang baik dan bersih hati itu terseksa dengan berbagai-bagai penderitaan? Mengapa? Kemudian selepas seperempat abad berada di dalam 'azab penjara barulah pertama kalinya datang jawapan, iaitu kerana taqdir Ilahi telah menyediakan beliau untuk mengendalikan pemerintahan negeri Mesir dan umatnya, juga umat-umat di negeri-negeri jiran di dalam tahun-tahun kemarau yang berlangsung selama tujuh tahun itu, kemudian apa lagi? Kemudian supaya beliau menjemput ibu bapanya dan saudara-saudaranya ke negeri Mesir supaya dari keturunan merekalah lahirnya umat Israel supaya mereka ditindas oleh Fir'aun, supaya dibangkitkan Nabi Musa a.s. di kalangan mereka dengan segala taqdir dan tadbir Ilahi yang menyelubungi perjuangan hidupnya, supaya berlakunya selepas itu berbagai-bagai persoalan, berbagai-bagai peristiwa dan berbagai-bagai arus dan gelombang yang dihayati oleh seluruh dunia hari ini yang mempengaruhi keadaan hidup seluruh bangsa.

Siapakah yang teringat misalnya bahawa perkahwinan Nabi Ibrahim a.s. nenek Nabi Ya'kub a.s. dengan Siti Hajar dari bangsa Mesir itu bukanlah suatu peristiwa peribadi, malah segala peristiwa sebelumnya yang berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s. itulah yang telah membawa beliau berpindah dari tanahairnya di Iraq, kemudian lalu di negeri Mesir supaya beliau mengambil Siti Hajar di sana, supaya Siti Hajar melahirkan Nabi Ismail, supaya Ismail dan ibunya tinggal di Baitullahil-Haram supaya dibangkitkan Nabi Muhammad s.a.w. dari keturunan Nabi Ibrahim a.s. di Semenanjung Tanah Arab iaitu sebuah negeri yang paling sesuai untuk memikul tugas membawa agama Islam, supaya berlakulah selepas itu peristiwa yang paling agung di dalam sejarah umat manusia umumnya.

Itulah perencanaan taqdir Ilahi di sebalik hujung tali sejarah yang amat jauh yang menggerakkan setiap peristiwa, setiap kejadian, setiap kesudahan dan di sebalik setiap titik, setiap langkah, setiap pertukaran dan perubahan.

Itulah perencanaan taqdir Ilahi yang tetap berlaku, yang meliputi segala-galanya, yang halus dan yang mendalam.

Kadang-kadang manusia hanya nampak hujung tali sejarah yang dekat sahaja dan tidak nampak hujung tali sejarah yang jauh. Kadang-kadang masa itu berjalan begitu lama di antara titik permulaan dengan titik penghabisan di dalam usia mereka yang pendek menyebabkan terlindung kepada mereka hikmat tadbir Ilahi dan membuat mereka tidak sabar, lalu meminta supaya dipercepatkan, dan membuat mereka sibuk mengemukakan cadangan-cadangan, dan kadang-kadang mereka naik bosan, marah-marah dan bersikap angkuh.

Allah telah mengajar mereka di dalam Al-Qur'an bahawa segala sesuatu telah ditentukan oleh taqdir Ilahi supaya mereka menyerahkan urusan itu kepada Allah, supaya hati mereka tenteram dan tenang, supaya mereka berjalan bersama taqdir Ilahi dengan perasaan yang harmoni dan mesra dalam setiap langkahnya yang tenang dan tetap.

******

Di samping taqdir dan tadbir yang rapi itu ialah qudrat Ilahi yang berkuasa menciptakan peristiwa-peristiwa yang paling besar dengan perintah yang paling mudah:

وَمَآ أَمۡرُنَآ إِلَّا وَٰحِدَةٌ كَلَمۡحِۭ بِٱلۡبَصَرِ ﴿٥٠﴾

"Urusan penciptaan Kami hanya dengan sepatah perintah dan sekelip mata sahaja."(50)

Maksudnya, dengan satu isyarat sahaja dan dengan sepatah perintah sahaja segala sesuatu akan tercipta sama ada besar atau kecil, kerana di sana tidak ada yang besar dan tidak ada yang kecil. Besar dan kecil itu hanya ada pada pertimbangan manusia sahaja. Di sana tidak ada waktu dan tidak ada pula masa yang menyamai masa sekelip mata pada manusia. Apa yang dibayangkan oleh ayat itu hanya satu perbandingan untuk mendekatkannya kepada fahaman manusia, kerana masa itu hanya satu kefahaman manusia yang terbit dari peredaran bumi mereka yang kecil. Tidak ada dalam hisab Allah yang mutlak perhitungan dan kefahaman-kefahaman yang terbatas seperti itu.

Dengan sepatah perintah sahaja alam buana yang besar ini tercipta dan dengan sepatah perintah sahaja alam buana ini berubah, dan dengan sepatah perintah sahaja segala-galanya musnah mengikut kehendak iradat-Nya, dan dengan sepatah perintah sahaja Dia menghidupkan setiap yang bernyawa. Dan dengan sepatah perintah sahaja Dia menghapuskannya di sana sini dan dengan sepatah perintah sahaja Dia memulangkan mereka ke alam maut, dan dengan sepatah perintah sahaja Dia membangkitkan mereka kembali, dan dengan sepatah perintah sahaja Dia menghidupkan seluruh makhluk dan mengumpulkan mereka untuk dihisab.

Dengan hanya sepatah perintah yang tidak memerlukan usaha dan tidak memerlukan masa. Dengan sepatah perintah berlakulah qudrat Allah dan taqdir-Nya dan segala-galanya menjadi mudah belaka.

******

Dengan sepatah perintah berlakulah kebinasaan kepada umat-umat yang mendustakan rasul di sepanjang abad. Dan di dalam ayat yang berikut Allah mengingatkan mereka dengan malapetaka kebinasaan yang menimpa ke atas pendusta-pendusta yang seperti mereka:

وَلَقَدۡ أَهۡلَكۡنَآ أَشۡيَاعَكُمۡ فَهَلۡ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿٥١﴾

وَكُلُّ شَيۡءٍ فَعَلُوهُ فِي ٱلزُّبُرِ ﴿٥٢﴾

وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُّسۡتَطَرٌ ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah membinasakan orang-orang yang seperti kamu. Apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?(51). Dan segala sesuatu yang dilakukan mereka adalah tercatat di dalam buku-buku amalan(52). Dan segala yang kecil dan yang besar semuanya ditulis belaka."(53)

Kisah malapetaka yang menimpa pendusta-pendusta itu telah pun dibentangkan sebelum ini didalam babak-babak yang dimuatkan surah sebelum ini.

"Apakah ada orang yang mahu mengambil pengajaran?"(51)

Peringatan dan I'tibar.

Hisab mereka tidak hanya berakhir dengan malapetaka dahsyat yang telah menimpa mereka itu kerana di belakang mereka ada lagi satu hisab yang tidak dapat dielakkan mereka:

"Dan segala sesuatu yang dilakukan mereka adalah tercatat di dalam buku-buku amalan(52). Dan segala yang kecil dan yang besar semuanya ditulis belaka(53).

Tujuannya ialah untuk dibentangkan pada Hari Hisab. Tiada suatu pun yang dilupakan, malah segala-galanya tercatat rapi dalam buku amalan itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 55)

Balasan-balasan Para Muttaqin Dalam Syurga

Sampai di sini Al-Qur'an berpaling menayangkan satu pemandangan yang bukan lagi dari pemandangan para pendusta, iaitu pemandangan para Muttaqin di bawah bayangan yang teduh dan damai:

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu ditempatkan di dalam Syurga dan sungai-sungai(54). Di majlis penghormatan yang tulen di sisi Tuhan Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa."(55)

Dalam waktu yang sama orang-orang yang berdosa dan sesat itu diseretkan di atas muka mereka ke dalam Neraka dengan penuh kehinaan. Mereka diseksakan dengan 'azab kecaman di samping diseksakan dengan 'azab api Neraka:

ذُوقُواْ مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٨﴾

"Rasakanlah sentuhan api Neraka."(48)

Ayat ini menayangkan dua babak gambaran ni'mat iaitu ni'mat "di dalam Syurga dan di tepi-tepi sungai" dan ni'mat berada "di majlis penghormatan yang tulen di sisi Allah Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa."

Ni'mat tubuh badan yang lahir digambarkan dalam satu ungkapan sempurna iaitu:

"Di dalam Syurga dan sungai-sungai."(54)

Ungkapan ini membayangkan kesenangan dan keselesaan hingga pada kata-katanya yang lembut. Kata-kata "نهر" di dalam ayat ini bukanlah didatangkan semata-mata untuk menyempurnakan irama akhir ayat yang sama, malah juga untuk membawa bayangan kesenangan dan keselesaan di dalam bunyi kata-kata dan nada ungkapan itu.

Ni'mat hati dan roh iaitu ni'mat perdampingan dengan Allah dan menerima penghormatannya digambarkan dengan ungkapan:

فِي مَقْعَدِ صِدْقٍ عِندَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٥٥﴾

"Di majlis penghormatan yang tulen di sisi Tuhan Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa."(55)

Iaitu majlis yang benar-benar tenang tenteram, benar-benar hampir dengan Allah dan benar-benar dimuliakan Allah, kerana mereka adalah orang-orang yang bertaqwa, yang takut kepada Allah dan sentiasa bermuraqabah dengan-Nya. Allah tidak mengumpulkan dua ketakutan pada seseorang, iaitu ketakutan kepada-Nya di dunia dan ketakutan kepada-Nya pada hari Qiamat. Oleh itu barang siapa yang takut kepada-Nya di dunia akan dikurniakan keamanan pada hari Akhirat dan akan dimuliakan dengan kemesraan dan penghormatan pada hari Qiamat yang amat menakutkan itu.

******

Dengan nada ungkapan yang tenang di bawah bayangan yang aman tenteram ini berakhirlah surah yang penuh dengan pemandangan-pemandangan ketakutan dan malapetaka yang ngeri ini.Ia berakhir dengan rasa yang amat selesa dan mendalam. Itulah cara didikan Ilahi Yang Maha Bijaksana dan Yang Maha Arif dengan rahsia hati manusia. Inilah perencanaan yang rapi dari Allah Pencipta, yang telah menciptakan segala sesuatu dengan taqdir-taqdir yang teratur. Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

******